Pemborong biasanya memasang sendiri, memilih dan mengelas dalam lot-lot besar, memecahkan muatan yang besar, membungkus semula dan membotol (kecuali bekas yang kedap udara) dan membahagi semula kepada lot-lot kecil, menyimpan, menyejuk, menghantar dan memasang barang serta melibatkan diri dalam promosi jualan untuk pelanggan dan reka bentuk label.

a. Pedagang Borong

Pemborong yang mengambil hak milik ke atas barang yang mereka jual, misalnya saudagar jual borong atau *jobber*, pengedar barang perindustrian, pengeksport, pengimport, persatuan koperasi pembeli dan stesen / terminal simpanan pukal petroleum. Ini termasuk juga pemasang, pembeli dan persatuan koperasi yang menjalankan pemasaran keluaran pertanian, penjual logam sekerap dan sisa barangan lama.

b. Pejabat jualan dan cawangan jualan

Ia merujuk kepada pejabat jualan dan cawangan jualan selain daripada kedai Runcit yang diselenggarakan oleh pertubuhan yang menjalankan aktiviti pembuatan atau perlombongan selain daripada loji atau lombong. Ia bertujuan untuk memasarkan produk dan tidak hanya mengambil pesanan dan memenuhinya melalui penghantaran langsung daripada loji atau lombong. Pertubuhan seperti ini diliputi hanya sekiranya mereka menyimpan akaun berasingan bagi perniagaan edaran mereka.

c. Agen atau broker

Ia merujuk kepada broker dagangan dan agen komisen yang terlibat dalam sub-sektor Borong. Mereka tidak mengambil hak milik ke atas barangan yang dikendalikan. Sumber pendapatan adalah berdasarkan komisen dan yuran melalui pembelian atau penjualan bagi pihak orang lain.

Aktiviti yang tidak diliputi dalam Perdagangan Borong adalah seperti berikut:

- i. sewaan kelengkapan dan jentera perindustrian, pertanian dan perniagaan;
- ii. pejabat jualan pengilang / pengeluar di dalam kilang / lombong jika rekod yang berasingan untuk kedua-dua aktiviti ini tidak diperolehi;
- iii. penyewaan alat-alat pembinaan;
- iv. gudang dan penyimpanan yang ditawarkan sebagai satu aktiviti perkhidmatan yang bebas; dan
- v. pembotolan air mineral semula jadi di kawasan mata air dan perigi.

4.1.2 Perdagangan Runcit

Ditakrifkan sebagai “penjualan semula (tanpa pengubahsuaian) barang baru dan terpakai kepada orang awam untuk kegunaan persendirian atau isi rumah.” Ini termasuk jualan yang dilakukan oleh kedai, gedung serbaneka, gerai, tempat pesanan pos, penjaja dan pengedar, koperasi pengguna, atas talian dan lain-lain.

Jenis operasi utama yang terlibat dalam Perdagangan Runcit adalah seperti berikut:

a. Peruncit

Merujuk kepada individu / syarikat yang terlibat dalam aktiviti jualan barang kepada isi rumah atau persendirian. Kebanyakan peruncit mempunyai hak ke atas barangan yang dijual, tetapi sebahagiannya bertindak menjadi agen kepada prinsipal dan menjual atas dasar konsainan atau komisen.

b. Rangkaian atau cawangan

Rangkaian merujuk kepada dua atau lebih jenis pertubuhan dalam jenis perniagaan yang sama di bawah hak milik dan kawalan tunggal Rangkaian di sini adalah terdiri daripada cawangan di bawah hak milik dan kawalan pertubuhan di dalam sesebuah enterpris tetapi didaftarkan secara berasingan dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Syarikat. Pertubuhan dalam organisasi rangkaian antarabangsa juga tidak termasuk dalam kumpulan ini melainkan organisasi rangkaian antarabangsa juga tidak termasuk dalam kumpulan ini melainkan organisasi berkenaan mempunyai dua atau lebih cawangan di Malaysia. Contohnya Seng Hup, Jaya Jusco, Courts Mammoth dan lain-lain.

Cawangan merujuk kepada dua atau lebih pertubuhan dalam jenis perniagaan yang sama di bawah hak milik dan kawalan tunggal ibu pejabat. Ia diselenggarakan secara langsung oleh ibu pejabat dengan tujuan untuk memasarkan keluaran mereka dan membuat penghantaran langsung barangan setelah menerima pesanan daripada pelanggan.

c. Agen atau broker

Ia merujuk kepada broker dagangan dan agen komisen yang terlibat dalam sub-sektor Runcit. Mereka tidak mengambil hak milik ke atas barangan yang dikendalikan. Sumber pendapatan adalah berdasarkan komisen dan yuran melalui pembelian atau penjualan bagi pihak orang lain.

Pertubuhan yang mempamerkan barang seperti alat tulis, petrol atau kayu kayan dan terlibat dalam jualan kepada orang awam adalah diklasifikasikan ke dalam Perdagangan Runcit. Jualan ini mungkin bukan untuk kegunaan persendirian atau isi rumah. Walau bagaimanapun, pertubuhan yang menjual barangan tersebut kepada pengguna industri atau institusi diklasifikasikan ke dalam Perdagangan Borong.

Pertubuhan yang terlibat dalam penyewaan barang kepada orang awam bagi kegunaan isi rumah atau persendirian dimasukkan ke dalam Perdagangan runcit. Ianya tidak termasuk penyewaan barangan hiburan dan rekreasi seperti perahu, sampan, motosikal, basikal, kuda tunggangan dan lain-lain.

Pertubuhan yang kebanyakannya terlihat dalam jualan langsung melalui pengedar bebas dianggap sebagai sebahagian daripada Perdagangan Runcit (bagi tujuan banci ini) walaupun mereka tiada hubungan langsung dengan pengguna terakhir.

Jenis perniagaan yang beroperasi hampir sama dengan Perdagangan Runcit tetapi tidak diliputi dalam banci ini adalah seperti berikut:

- i. jualan oleh petani bagi keluaran pertanian mereka;
- ii. membuat dan menjual roti;
- iii. tukang jahit; dan
- iv. Pembuat bingkai gambar

5. Tahun Banci

Merujuk kepada tahun pelaksanaan bancian dijalankan.

6. Tahun Rujukan

Tahun rujukan bagi penerbitan ini adalah tahun 1970, 1980, 1993, 2003, 2013, 2018 dan 2022.

6.1 Nama Penerbitan:

- a. Banci Perdagangan Jual borong dan Jual runcit di kawasan-kawasan bandar di Semenanjung Malaysia 1970;
- b. Penyiasatan sampel bagi perdagangan jual borong dan jual runcit di Semenanjung Malaysia 1980;
- c. Penyiasatan Perdagangan Borong, Perdagangan Runcit dan Katering;
- d. Banci Perdagangan Edaran 2002;
- e. Banci Perdagangan Edaran 2014;
- f. Banci Perdagangan Borong & Runcit 2019; dan
- g. Banci Ekonomi 2023 Perdagangan Borong & Runcit

7. Unit Pelapor

Unit pelapor bagi penerbitan ini adalah pertubuhan. Sesebuah pertubuhan secara ideal ditakrifkan sebagai “satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis subsektor ekonomi utama di satu tempat / lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri berdasarkan aktiviti utamanya dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai beberapa cawangan di lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktis akaun biasanya disediakan secara berpusat kerana kesukaran untuk memperoleh data yang berasingan bagi setiap unit atau cawangan, entiti atau “enterprise” ini akan dianggap sebagai satu unit pelapor dan dibenarkan mengemukakan soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangannya.

Dari segi operasi, pertubuhan merujuk kepada stor, kedai, pejabat dan suatu lokasi fizikal di mana perniagaan dan perdagangan dilangsungkan. Dari segi struktur, liputan adalah terhad kepada:

- a. Kedai dan stor
 - i. Struktur tertutup yang digunakan untuk urusan perdagangan, biasanya di dalam bangunan; dan

- i. Premis boleh dikunci keseluruhannya untuk menyimpan barangan dan peralatan.

b. Gerai

- i. Struktur tetap yang boleh didapati di dalam bangunan atau didirikan di tepi jalan, lorong dan sebagainya; dan
- ii. Barangan dan peralatan yang biasanya disimpan dalam laci atau almari yang dikunci.

c. Pejabat

- i. Di mana urusan perniagaan dikendalikan, contoh: tempat di mana perniagaan oleh agen / broker yang tidak menguruskan barangan secara fizikal.
- ii. Pengecualian untuk aktiviti penyelenggaraan, pembaikan, mencuci, mengilap dan menunda kenderaan yang tidak mempunyai struktur tetap.

Dari pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai ciri-ciri berikut **tidak diliputi**:

- i. gerai-gerai "*collapsible*" (misalnya yang mempunyai bumbung kanvas atau mempunyai kaunter diperbuat daripada kotak-kotak atau tong-tong);
- ii. penjual di kaki lima atau di atas tanah kecuali kawasan lot-lot yang sah di sekitar pasar;
- iii. penjaja dan gerai-gerai bergerak (misalnya basikal, van, kereta tolak dan lain-lain) kecuali jika struktur tersebut terletak di satu tempat yang tetap; dan
- iv. gerai-gerai yang diwujudkan secara sementara semasa musim perayaan atau peristiwa; dan pasar malam dan pasar tani, pasar tamu (Sabah dan Sarawak).

Dari pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai ciri-ciri berikut **tidak diliputi**:

- i. gerai-gerai "*collapsible*" (misalnya yang mempunyai bumbung kanvas atau mempunyai kaunter diperbuat daripada kotak-kotak atau tong-tong);
- ii. penjual di kaki lima atau di atas tanah kecuali kawasan lot-lot yang sah di sekitar pasar;
- iii. penjaja dan gerai-gerai bergerak (misalnya basikal, van, kereta tolak dan lain-lain) kecuali jika struktur tersebut terletak di satu tempat yang tetap; dan

- iii. gerai-gerai yang diwujudkan secara sementara semasa musim perayaan atau peristiwa; dan pasar malam dan pasar tani, pasar tamu (Sabah dan Sarawak).

8. NILAI JUALAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

Nilai jualan merujuk kepada:

- a. Nilai semua barang di mana hak milik atau hak mutlak untuk penggunaan telah dipindahkan kepada orang lain dengan tujuan barang itu akan dibeli akhirnya; dan
- b. Nilai perkhidmatan yang diberikan dalam tempoh laporan tanpa mengambil kira masa atau cara pembayaran dibuat.

9. NILAI JUALAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

Kos barangan yang dijual merujuk kepada perbelanjaan yang dilakukan bagi pembelian barangan untuk dijual semula tanpa pengubahsuaian dengan mengambil kira perubahan dalam stok.

10. Margin Kasar

Margin kasar ditakrifkan sebagai perbezaan antara nilai jualan barangan & perkhidmatan dan kos barangan yang dijual.

Margin Kasar : (Nilai Jualan Barangan & Perkhidmatan) - (Kos Barangan yang Dijual)

Peratus Margin Kasar :
$$\frac{\text{Margin Kasar}}{\text{Nilai Jualan Barangan \& Perkhidmatan}} \times 100$$

11. PEMBUNDARAN ANGGARAN

Pengiraan bagi sesuatu kategori mungkin tidak sentiasa sama antara jadual disebabkan oleh pembundaran secara bebas. Walau bagaimanapun, perbezaan ini adalah tidak ketara. Peratusan yang ditunjukkan dalam jadual adalah diperolehi daripada angka sebenar dan tidak semestinya memberikan jumlah genap 100 peratus disebabkan pembundaran, walaupun jumlah yang ditunjukkan adalah 100 peratus.

12. NOTA DAN SIMBOL

&	: dan
%	: peratus
RM	: Ringgit Malaysia
USD	: United States Dollar

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



KELAPA SAWIT

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

NOTA TEKNIKAL

Skop dan Liputan

Semua data bagi nilai output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang merangkumi pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0, selaras dengan International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4 yang diterbitkan oleh United Nations. Liputan aktiviti berkaitan kelapa sawit adalah seperti berikut:

Sektor/ subsektor	Liputan MSIC 2008	
Pertanian	01261	Penanaman kelapa sawit (estet)
	01262	Penanaman kelapa sawit (kebun kecil)
Pembuatan	10401	Pembuatan minyak sawit mentah
	10402	Pembuatan minyak sawit bertapis
	10403	Pembuatan minyak isirung
	19202	Pembuatan produk biodiesel
Perdagangan Borong	46202	Jualan borong minyak kelapa sawit

Konsep dan Definisi

Dalam konteks ekonomi dan rantaian nilai, konsep hulu dan hilir merujuk kepada tahap-tahap berbeza dalam proses pengeluaran dan pengedaran produk, di mana hulu melibatkan aktiviti berkaitan sumber asas seperti penanaman dan pengeluaran bahan mentah, manakala hilir merangkumi pemprosesan, pengilangan, pengedaran, pemasaran dan penggunaannya di peringkat akhir.

Nilai Output Kasar

Nilai output secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industri dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output ini biasanya diukur dalam bentuk wang yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperoleh oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal dan bahan mentah dalam proses pengeluaran.

Nilai Input Perantaraan	Nilai input perantaraan secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk atau perkhidmatan seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah dan teknologi. Nilai input ini diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.
Nilai Ditambah	Nilai ditambah adalah perbezaan diantara nilai output kasar dengan nilai input perantaraan.
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak penggunaan modal tetap. KDNK boleh dinilai pada nilai pembeli dan pada harga faktor.
Import	Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan di gudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.
Eksport	Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara.
Harga Purata	Data ini diperoleh daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Kadar Pertumbuhan Tahunan (CAGR)	Kadar pertumbuhan tahunan yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut :

$$y_t = y_0(1+r)^t$$

di mana,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana,

y_t = Nilai pada tahun semasa

y_0 = Nilai pada tahun sebelum

t = Bilangan tahun, $y_t - y_0$

r = Kadar pertumbuhan tahunan

Pembundaran Jumlah bagi komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.

Nota dan Simbol

Simbol	Keterangan
&	dan
%	peratus
RM	Ringgit Malaysia
USD	United States Dollar
kg	kilogram

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



GETAH

NOTA TEKNIKAL

Skop dan Liputan Penyusunan statistik aktiviti huluhan dan hiliran pertanian getah meliputi tiga sektor utama iaitu Pertanian, Pembuatan dan Perdagangan Borong berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4* yang diterbitkan oleh United Nations. Liputan aktiviti berkaitan getah adalah seperti berikut:

Sektor	Liputan MSIC 2008	
Pertanian	01291 01292	Penanaman pokok getah (estet) Penanaman pokok getah (kebun kecil)
Pembuatan	15203 22111 22112 22191 22192 22193 22199	Pembuatan kasut getah Pembuatan tayar getah untuk kenderaan Pembuatan bunga tayar yang boleh ditukar ganti dan tayar celup Pembuatan produk lain daripada getah asli atau sintetik, tidak divulkan, divulkan atau dikeraskan Pembuatan sarung tangan getah Pengilangan semula getah dan prosesan susu getah Pembuatan produk getah lain yang t.t.t.l
Perdagangan Borong	46201 46694	Jualan borong getah Jualan borong sekerap getah

Konsep dan Definisi Dalam konteks ekonomi dan rantaian nilai, konsep huluhan dan hiliran merujuk kepada tahap-tahap berbeza dalam proses pengeluaran dan pengedaran produk, di mana huluhan melibatkan aktiviti berkaitan sumber asas seperti penanaman dan pengeluaran bahan mentah, manakala hiliran merangkumi pemprosesan, pengilangan, pengedaran, pemasaran dan penggunaannya di peringkat akhir.

Segmen Hulu	Merujuk kepada peringkat awal dalam rantaian nilai industri ini yang melibatkan aktiviti seperti penanaman pokok getah, penyelenggaraan ladang, penorehan lateks (susu getah), pengumpulan getah beku (<i>cup lump</i>) serta pengurusan keluasan bertanam. Aktiviti hulu ini merupakan asas kepada kesinambungan pengeluaran bahan mentah getah yang akan digunakan dalam proses pemprosesan dan pembuatan di peringkat hilir.
Segmen Hilir	Merujuk kepada aktiviti pemprosesan, pengilangan, dan penghasilan produk berasaskan getah seperti sarung tangan, tayar, kasut getah dan barangan industri untuk pasaran domestik dan eksport.
Segmen Perdagangan Borong	Merujuk kepada aktiviti pembelian dan penjualan getah asli atau produk separa siap dalam kuantiti besar, sama ada untuk tujuan pemprosesan selanjutnya, pengedaran semula, atau eksport, tanpa pengubahsuaian besar ke atas produk tersebut.
Segmen Perdagangan Antarabangsa	Merujuk kepada aktiviti eksport dan import bahan mentah getah, getah separa proses, serta produk akhir berasaskan getah yang melibatkan urusan niaga rentas sempadan antara Malaysia dan negara lain. Data import dan eksport dikumpul oleh Jabatan daripada borang pengikliran import dan eksport yang diperolehi daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Lembaga-Lembaga Zon Bebas.
Aktiviti Pertanian Getah	Estet getah: (i) Semua kawasan, bersambungan atau berpecah-pecah dengan keluasan tidak kurang daripada 40.47 hektar (100 ekar), ditanam dengan getah atau di mana penanaman getah dibenarkan dan di bawah satu hak milik yang sah; atau (ii) Mana-mana keluasan tanaman getah yang telah wujud dalam estet kelapa, koko atau kelapa sawit.

**Aktiviti Pertanian Getah
(samb.)**

Kebun kecil getah:

Meliputi semua kawasan, bersambungan atau berpecah-pecah, berjumlah kurang daripada 40.47 hektar (100 ekar), ditanam dengan getah atau di mana penanaman getah dibenarkan dan di bawah satu hak milik yang sah. Kebun kecil getah terdiri daripada tersusun dan tidak tersusun. Kebun kecil yang tersusun meliputi kawasan di bawah rancangan kerajaan seperti berikut:-

- (i) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA);
- (ii) Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA);
- (iii) Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara (FELCRA);
- (iv) Rancangan tanah Kerajaan Persekutuan yang lain; dan
- (v) Rancangan tanah Kerajaan Negeri.

Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam dengan getah (matang dan/atau belum matang) dan tidak terbiar selama-lamanya.

Pengeluaran Getah Asli

Pengeluaran getah asli merujuk kepada kandungan getah kering (KGK) bagi susu getah cair, getah keping dan skrap (getah buku dan getah kulit) yang dihasilkan oleh estet dan pekebun kecil. Data ini dikumpul dari data pembelian getah mentah oleh kilang pemproses (RP).

Hasil

Hasil diperoleh dengan membahagikan jumlah pengeluaran dengan purata luas hektar yang ditoreh pada bulan rujukan.

Penggunaan Domestik

Merujuk kepada penggunaan domestik getah asli seperti Getah Asap Berbunga (G.A.B.), susu getah pekat, Getah Mutu Malaysia (G.M.M.) dan sebagainya oleh pertubuhan pembuatan di Malaysia untuk mengeluarkan barangan seperti tayar dan tiub, kasut getah, sarung tangan getah, gelang getah, getah campuran dan lain-lain. Ianya tidak termasuk getah campuran & tebus guna getah dan getah sintetik.

10) Aktiviti

Pembuatan Getah

Pembuatan ditakrifkan sebagai perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera yang dijalankan oleh kuasa atau yang dijalankan dengan tangan, sama ada dijalankan dalam kilang atau di rumah pekerja, dan sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit.

Nilai jualan yang dilaporkan merujuk kepada nilai jualan produk sendiri sahaja. Ini bermaksud jualan produk yang berlaku dalam tahun laporan, sama ada produk tersebut telah dibuat/dihasilkan oleh pertubuhan pada tahun tersebut atau tahun-tahun sebelumnya. Nilai jualan adalah berdasarkan kepada nilai bersih di kilang dan berkaitan dengan kuantiti yang dijual. Penilaian harga yang dikenakan kepada pelanggan adalah tidak termasuk diskaun atau rebat, bayaran untuk pengangkutan keluar, komisen kepada wakil-wakil penjual, bayaran lain seperti cukai eksais yang dibayar atau cukai jualan yang dipungut oleh kilang bagi pihak kerajaan dan bayaran pemasangan, pembaikan dan pembinaan.

11) Aktiviti

Perdagangan

Borong Getah

Merujuk kepada penjualan semula (tanpa pengubahsuaian) barangan baharu dan barang yang telah digunakan kepada peruncit, pengguna perindustrian, perdagangan, institusi atau profesional; atau kepada pemborong lain; atau menjual dagangan kepada orang atau syarikat berkenaan. Pemborong selalunya memasang, memilih dan mengklasifikasikan barang dalam lot-lot besar; memecahkan muatan yang besar, membungkus semula dan membotol (kecuali bekas yang kedap udara) dan membahagi semula kepada lot-lot kecil; menyimpan, menyejuk, menghantar dan memasang barang dan juga turut serta dalam promosi jualan untuk pelanggan dan rekabentuk label.

Nilai Output Kasar	Nilai output secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industry dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output ini biasanya diukur dalam bentuk wang, yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperoleh oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal, dan bahan mentah dalam proses Pengeluaran.
Nilai Input Perantaraan	Nilai input perantaraan secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk atau perkhidmatan, seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah, dan teknologi. Nilai input ini diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.
Nilai Ditambah	Nilai ditambah merujuk kepada perbezaan antara output dan penggunaan perantaraan. Pengeluaran barangan dan perkhidmatan tidak semestinya untuk dijual atau perolehan oleh pertubuhan. Sementara itu, penggunaan perantaraan adalah nilai barangan dan perkhidmatan yang digunakan (sebagai input) dalam proses pengeluaran barangan dan perkhidmatan tidak termasuk gaji dan upah, susut nilai daripada modal dan faedah bersih yang dibayar. Nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.
Harga	Harga purata pembeli waktu tengah hari bagi getah "F.O.B." di Kuala Lumpur. Data ini diperoleh daripada Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak penggunaan modal tetap. KDNK boleh dinilai pada nilai pembeli dan pada harga faktor.

Import Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan di gudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain. Pengkelasan import ini diistilahkan juga sebagai 'import umum'. Di dalam laporan ini, import dikelaskan mengikut negara asal barang tersebut, iaitu negara di mana barang berkenaan terakhir dibuat sebelum ianya diimportkan ke dalam kawasan pendaftaran.

Eksport Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara. Di dalam laporan ini, eksport dikelaskan mengikut negara dituju, iaitu negara di mana barang-barang berkenaan dijangka akan digunakan, sejauh mana ia boleh ditentukan pada masa ianya dieksport. Bagi barang yang dihantar berdasarkan "Optional bill of lading", pelabuhan pertama yang diikrarkan dianggap sebagai negara yang dituju.

Sekiranya maklumat negara yang dituju bagi barang-barang yang dieksport melalui Singapura tidak diketahui/ diperoleh, eksport sedemikian diambilkira sebagai eksport ke Singapura, iaitu di bawah kategori yang sama seperti barang-barang yang digunakan di Singapura. Eksport termasuk eksport semula. Pengkelasan eksport ini diistilahkan juga sebagai 'eksport umum'.

Data import dan eksport bagi getah asli mengikut jenis terpilih hanya meliputi kod di bawah HS4001.10.000 hingga HS4001.29.999.

Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompoun (CAGR)

Kadar pertumbuhan tahunan yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut :

$$y_t = y_0 (1+r)^t$$

di mana,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana,

y_t = Nilai pada tahun semasa

y_0 = Nilai pada tahun sebelum

t = Bilangan tahun, $y_t - y_0$

r = Kadar pertumbuhan tahunan

Pembundaran

Jumlah bagi komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.

Nota dan Simbol

- : tiada data
- 0.0 : kurang daripada 0.05
- .. : tidak diperoleh
- t.t.t.l. : tidak terkelas di tempat lain
- dll : dan lain-lain
- % : peratus
- n.a. : tidak berkenaan
- & : dan



KOKO

NOTA TEKNIKAL

SKOP DAN LIPUTAN Semua data bagi nilai output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang merangkumi pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 yang selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision. 4, United Nations*. Liputan aktiviti berkaitan ayam dan telur adalah seperti berikut:

Sektor	Liputan MSIC 2008	
Pertanian	01273	Penanaman koko
	01633	Penyediaan biji koko
Pembuatan	10731	Pembuatan produk koko
	10732	Pembuatan coklat dan produk coklat
Perdagangan Borong	46323	Jualan borong konfeksi

PENGELASAN ITEM PERBELANJAAN Data perbelanjaan bagi segmen Kepenggunaan Domestik adalah hasil dapatan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Bermula tahun 2016, survei ini dijalankan dua kali dalam tempoh lima tahun. Perbelanjaan diklasifikasikan mengikut *Classification of Individual Consumption According to Purpose 2018 (COICOP 2018), United Nations* seperti berikut:

Segmen	Liputan COICOP 2018	
Kepenggunaan Domestik	0124	Minuman koko

Konsep dan Definisi	Dalam konteks ekonomi dan rantaian nilai, konsep hulu dan hilir merujuk kepada tahap-tahap berbeza dalam proses pengeluaran dan pengedaran produk, di mana hulu melibatkan aktiviti berkaitan sumber asas seperti penanaman dan pengeluaran bahan mentah, manakala hilir merangkumi pemprosesan, pengilangan, pengedaran, pemasaran dan penggunaannya di peringkat akhir.
Nilai Output Kasar	Nilai output secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industri dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output ini biasanya diukur dalam bentuk wang yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperoleh oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal dan bahan mentah dalam proses pengeluaran.
Nilai Input Perantaraan	Nilai input perantaraan secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk atau perkhidmatan seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah dan teknologi. Nilai input ini diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.
Nilai Ditambah	Nilai ditambah adalah perbezaan diantara nilai output kasar dengan nilai input perantaraan.
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak penggunaan modal tetap. KDNK boleh dinilai pada nilai pembeli dan pada harga faktor.

Import	Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan di gudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.
Eksport	Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara.
Perbelanjaan Isi Rumah	Definisi perbelanjaan isi rumah yang diguna pakai adalah mengikut konsep dan garis panduan <i>System of National Accounts</i>, 2008 oleh <i>United Nations</i> dan <i>Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth</i>, 2013 oleh <i>Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)</i>. Perbelanjaan penggunaan IR adalah segala perbelanjaan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan. Perbelanjaan ini termasuk: • Semua perbelanjaan sama ada tunai atau kredit oleh ahli-ahli IR keatas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian. Jenis perbelanjaan ini termasuk juga cukai-cukai yang dibayar untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan tersebut; • Semua barangan, perkhidmatan dan kemudahan yang diterima dalam bentuk mata benda sama ada secara percuma atau konsesi, diambil kira sebagai perbelanjaan. Contohnya, makanan dan tempat penginapan percuma atau dengan bayaran konsesi. Nilai daripada makanan dan tempat penginapan tersebut dikira sebagai perbelanjaan kepada IR berkenaan; • Barangan penggunaan sendiri. Contohnya sayur-sayuran hasil tanaman sendiri atau barangan yang diambil dari kedai runcit sendiri untuk kegunaan persendirian perlu dibuat imputasi mengikut harga runcit. Nilai harga tersebut dikira sebagai perbelanjaan IR berkenaan; dan • Nilai sewa bersih rumah yang diduduki oleh pemiliknya juga diambil kira sebagai perbelanjaan. Nilai sewa tersebut perlu dibuat imputasi mengikut nilai sewa pasaran semasa untuk jenis rumah yang sama di kawasan yang sama.

Isi Rumah (IR)	Seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dalam satu tempat kediaman serta membuat peruntukan (perbelanjaan) secara bersama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.												
Nilai Perbelanjaan Isi Rumah	Nilai perbelanjaan isi rumah boleh dianggarkan berdasarkan data yang diperoleh daripada dapatan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES), dan disesuaikan menggunakan formula berikut : $\text{Nilai Perbelanjaan Isi Rumah} = \frac{\text{Purata Perbelanjaan Isi Rumah Bulanan} \times \text{Jumlah Isi Rumah Tahunan} \times 12 \text{ Bulan}}$												
Kadar Pertumbuhan Tahunan (CAGR)	Kadar pertumbuhan tahunan yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut : $y_t = y_0(1+r)^t$ di mana, $r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$ di mana, <table><tr><td>y_t</td><td>=</td><td>Nilai pada tahun semasa</td></tr><tr><td>y_0</td><td>=</td><td>Nilai pada tahun sebelum</td></tr><tr><td>t</td><td>=</td><td>Bilangan tahun, $y_t - y_0$</td></tr><tr><td>r</td><td>=</td><td>Kadar pertumbuhan tahunan</td></tr></table>	y_t	=	Nilai pada tahun semasa	y_0	=	Nilai pada tahun sebelum	t	=	Bilangan tahun, $y_t - y_0$	r	=	Kadar pertumbuhan tahunan
y_t	=	Nilai pada tahun semasa											
y_0	=	Nilai pada tahun sebelum											
t	=	Bilangan tahun, $y_t - y_0$											
r	=	Kadar pertumbuhan tahunan											
Pembundaran	Jumlah bagi komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.												
Pekebun Kecil	Individu atau isi rumah yang mengusahakan tanaman koko pada keluasan kurang daripada 40.46 hektar (100 ekar), dengan majoritinya memiliki kebun berskala kecil iaitu di bawah 4 hektar. Mereka mengendalikan aktiviti penanaman, penjagaan, dan penuaian secara persendirian atau bersama keluarga tanpa penglibatan tenaga kerja bergaji tetap.												

Estet	Estet koko merujuk kepada kawasan tanaman koko berskala besar yang diusahakan oleh syarikat swasta, badan berkanun, agensi kerajaan atau koperasi dengan keluasan melebihi 40.46 hektar (100 ekar). Estet biasanya mempunyai sistem pengurusan ladang yang terancang, penggunaan teknologi moden serta tenaga kerja bergaji tetap bagi menjalankan operasi penanaman, penyelenggaraan dan penuaian hasil. Tujuan utama estet adalah pengeluaran secara komersial untuk pasaran domestik dan eksport.
Keluasan Bertanam	Jumlah kawasan tanah (dalam hektar) yang telah ditanam secara aktif dengan pokok koko, sama ada sebagai tanaman utama atau tanaman selingan. Ia merangkumi kawasan yang telah ditanam dengan anak benih koko, pokok koko muda (belum berhasil) serta pokok koko matang yang sedang mengeluarkan hasil.
Pengeluaran Koko	Jumlah biji koko kering yang dihasilkan daripada kawasan tanaman koko yang berhasil dalam tempoh tertentu. Ia melibatkan biji koko yang telah melalui proses penapaian dan pengeringan hingga mencapai tahap lembapan piawai. Pengeluaran ini dipengaruhi oleh keluasan tanaman, umur dan kepadatan pokok, amalan pengurusan ladang, varieti koko serta faktor persekitaran seperti cuaca dan serangan penyakit. Pengeluaran koko menjadi penunjuk utama prestasi sektor koko negara dari segi produktiviti dan sumbangan ekonomi.
Standard Koko Malaysia (SMC)	Satu sistem penarafan kualiti bagi biji koko kering yang dihasilkan di Malaysia, berdasarkan kriteria tertentu seperti tahap kelembapan, kandungan biji rosak, kandungan acuan dan bau asing. SMC juga dijadikan rujukan utama untuk penentuan harga biji koko tempatan.

Nota dan Simbol

Simbol	Keterangan
&	dan
%	peratus
RM	Ringgit Malaysia
USD	United States Dollar
T/B	Tidak berkenaan

LADA



NOTA TEKNIKAL

Skop dan Liputan

Semua data bagi nilai output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang merangkumi pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0, selaras dengan International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4 yang diterbitkan oleh United Nations. Liputan aktiviti berkaitan lada adalah seperti berikut:

Sektor/ subsektor	Liputan	MSIC 2008
Pertanian	01281	Penanaman lada hitam (<i>piper nigrum</i>)
Pembuatan	10794	Pembuatan rempah ratus dan serbuk kari termasuk: a) serbuk lada putih dan lada hitam b) pembuatan herba yang ditanam (cth. pudina, vervain, chamomile, dll.) c) pembuatan rempah ratus lain t.t.t.l.

Konsep dan Definisi

Dalam konteks ekonomi dan rantaian nilai, konsep hulu dan hilir merujuk kepada tahap-tahap berbeza dalam proses pengeluaran dan pengedaran produk, di mana hulu melibatkan aktiviti berkaitan sumber asas seperti penanaman dan pengeluaran bahan mentah, manakala hilir merangkumi pemprosesan, pengilangan, pengedaran, pemasaran dan penggunaannya di peringkat akhir.

Nilai Output Kasar

Nilai output secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industri dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output ini biasanya diukur dalam bentuk wang yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperoleh oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal dan bahan mentah dalam proses pengeluaran.

Nilai Input Perantaraan	Nilai input perantaraan secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk atau perkhidmatan seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah dan teknologi. Nilai input ini diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.
Nilai Ditambah	Nilai ditambah adalah perbezaan diantara nilai output kasar dengan nilai input perantaraan.
Import	Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan di gudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.
Eksport	Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara.
Harga Purata	Data ini diperoleh daripada Lembaga Lada Malaysia
Kadar Pertumbuhan Tahunan (CAGR)	Kadar pertumbuhan tahunan yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut :

$$y_t = y_0(1+r)^t$$

di mana,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana,

y_t	=	Nilai pada tahun semasa
y_0	=	Nilai pada tahun sebelum
t	=	Bilangan tahun, $y_t - y_0$
r	=	Kadar pertumbuhan tahunan

Pembundaran Jumlah bagi komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.

Nota dan Simbol

Simbol	Keterangan
&	dan
%	peratus
RM	Ringgit Malaysia
USD	United States Dollar
kg	kilogram

Dolomit Serbuk dolomit sering dimanfaatkan dalam pertanian sebagai penambah pH tanah. Kandungan magnesium dan kalsium dalam dolomit dapat membantu meningkatkan kesuburan tanah dan kesihatan tanaman



KAYU

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

NOTA TEKNIKAL

SKOP DAN LIPUTAN

Semua data bagi nilai output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang merangkumi pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0, selaras dengan International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4 yang diterbitkan oleh United Nations. Liputan aktiviti berkaitan kayu adalah seperti berikut:

Sektor/Subsektor	MSIC	Penerangan
Tanaman	02101	Penanaman, penanaman semula, pemindahan, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan kawasan lapang
	02102	Penanaman untuk tunas semula, kayu pulpa dan kayu api
	02103	Operasi tapak semaian pokok hutan
	02104	Pengumpulan dan pemeliharaan hutan liar (spesis pokok hutan paya gambut)
	02105	Ladang hutan
	02201	Pengeluaran kayu balak untuk industri berasaskan kayu
	02202	Pengeluaran kayu balak yang digunakan dalam bentuk belum proses
	02203	Pengeluaran arang kayu dalam hutan (menggunakan kaedah tradisional)
	02204	Pembalakan kayu getah
Pembuatan	16100	Pengilangan dan pengetaman kayu
	16211	Pembuatan kepingan venier dan papan lapis
	16212	Pembuatan papan partikel dan papan gentian
	16221	Pertukangan kayu untuk jurubina

	16230	Pembuatan bekas kayu
	16292	Pembuatan produk kayu lain; rotan, artikel gabus, jerami dan bahan jalinan
	31001	Pembuatan perabot kayu dan rotan
Perdagangan Borong	46203	Jualan borong kayu balak dan kayu kayan
	46491	Jualan borong perabot isi rumah
	46495	Jualan borong barangan kayu, anyaman rotan dan barangan gabus
	46631	Jualan borong kayu balak, kayu bergergaji, papan lapis, venier dan produk berkaitan
	47591	Jualan runcit perabot isi rumah
	47594	Jualan runcit kayu, barangan gabus dan barangan anyaman rotan

Konsep dan Definisi

Dalam konteks ekonomi dan rantai nilai, konsep hulu dan hilir merujuk kepada tahap-tahap berbeza dalam proses pengeluaran dan pengedaran produk, di mana hulu melibatkan aktiviti berkaitan sumber asas seperti penanaman dan pengeluaran bahan mentah, manakala hilir merangkumi pemprosesan, pengilangan, pengedaran, pemasaran dan penggunaannya di peringkat akhir.

Nilai Output Kasar	Nilai output secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industry dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output ini biasanya diukur dalam bentuk wang, yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperoleh oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal, dan bahan mentah dalam proses pengeluaran.
Nilai Input Perantaraan	Nilai input perantaraan secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk atau perkhidmatan, seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah, dan teknologi. Nilai input ini diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.
Nilai Ditambah	Nilai ditambah adalah perbezaan diantara nilai output kasar dengan nilai input perantaraan.
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak penggunaan modal tetap. KDNK boleh dinilai pada nilai pembeli dan pada harga faktor.
Import	Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan di gudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.
Eksport	Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara.
Harga Purata	Data ini diperoleh daripada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (LPKM).

Margin Kasar Margin kasar ditakrifkan sebagai perbezaan antara nilai jualan barangan & perkhidmatan dan kos barangan yang dijual.

Margin Kasar : (Nilai Jualan Barangan & Perkhidmatan) - (Kos Barangan yang Dijual)

Peratus Margin Kasar :

$$\frac{\text{Margin Kasar}}{\text{Nilai Jualan Barangan \& Perkhidmatan}} \times 100$$

Kadar Pertumbuhan Tahunan (CAGR) Kadar pertumbuhan tahunan yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut :

$$y_t = y_0(1+r)^t$$

di mana,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana,

y_t	=	Nilai pada tahun semasa
y_0	=	Nilai pada tahun sebelum
t	=	Bilangan tahun, $y_t - y_0$
r	=	Kadar pertumbuhan tahunan

Pembundaran Jumlah bagi komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.

Keluasan Hutan Merujuk kepada jumlah kawasan tanah yang dilitupi oleh hutan, biasanya diukur dalam unit seperti hektar (ha) atau kilometer persegi (km²). Ia menggambarkan sejauh mana kawasan tertentu masih mengekalkan litupan pokok-pokok dan ekosistem hutan.

Pengeluaran Kayu Pengeluaran kayu kayan merujuk kepada jumlah bahan mentah dan separa siap seperti kayu balak, kayu gergaji, papan lapis, venir, dan kayu kumai yang dihasilkan oleh estet hutan dan ladang hutan komersial di seluruh Malaysia. Data ini dikumpul berdasarkan rekod pengeluaran, pemprosesan dan penghantaran oleh kilang kayu serta loji pemprosesan yang berdaftar di bawah Jabatan Perhutanan dan agensi berkaitan di peringkat negeri dan persekutuan.

Jenis Kayu	Definisi
Kayu Balak	Merupakan kayu yang diperolehi daripada pokok-pokok besar yang tumbuh di kawasan hutan.
Kayu Gergaji	Merupakan kayu yang dipotong daripada kayu balak kepada pelbagai bentuk dan saiz. Kayu gergaji biasanya dipotong mengikut lebar dan panjang segi empat tepat yang berbeza-beza, tetapi mungkin juga berbentuk baji.
Kayu Kumai	Merupakan gabungan bentuk-bentuk cembung, cekung, timbul, tenggelam, separuh bulatan, suku bulatan atau garis lurus yang dibuat pada kayu disepanjang permukaan tepi.
Papan Lapis	Bahan struktur yang terdiri daripada kepingan kayu yang digam atau disimen bersama dengan butiran lapisan bersebelahan yang disusun pada sudut tepat atau pada sudut lebar.
Vanir	Lembaran tipis kayu, biasanya lebih tipis daripada 3 mm (1/8 inci), yang dihasilkan dengan mengiris balok kayu atau mengupas sebatang kayu bulat

Nota dan Simbol

Simbol	Keterangan
&	dan
%	peratus
RM	Ringgit Malaysia
W.P	Wilayah Persekutuan
USD	United States Dollar
Ha	Hektar
M ³	Meter Padu

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PADI

NOTA TEKNIKAL

Skop dan Liputan

Semua data bagi nilai output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang merangkumi pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities* (ISIC), Rev. 4 yang diterbitkan oleh United Nations. Liputan aktiviti berkaitan padi adalah seperti berikut:

Sektor	Liputan MSIC	
Industri Penanaman Padi	01120	Industri Penanaman Padi
Pengilangan	10611	Pengilangan Beras
Pembuatan Makanan Berasaskan Padi	10621	Pembuatan Kanji dan Produk Berkanji
	10623	Pembuatan Tepung/ Produk Sagu dan Ubi Kayu
	10711	Pembuatan Biskut dan <i>Cookies</i>
	10712	Pembuatan Roti, Kek dan Produk Bakeri Lain
	10713	Pembuatan Produk Snek
	10741	Pembuatan Bihun, Mi dan Produk Lain Yang Berkaitan
	10742	Pembuatan Pasta
	10750	Pembuatan Makanan dan Hidangan Tersedia
	10799	Pembuatan Produk Makanan Lain t.t.t.l
Industri Jualan Borong Beras	46321	Jualan Borong Beras, Bijirin Lain, Tepung dan Gula

Konsep dan Definisi	Dalam konteks ekonomi dan rantaian nilai, konsep hulan dan hiliran merujuk kepada tahap-tahap berbeza dalam proses pengeluaran dan pengedaran produk, di mana hulan melibatkan aktiviti berkaitan sumber asas seperti penanaman dan pengeluaran bahan mentah, manakala hiliran merangkumi pemprosesan, pengilangan, pengedaran, pemasaran dan penggunaannya di peringkat akhir.
Nilai Output Kasar	Nilai output secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industri dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output ini biasanya diukur dalam bentuk wang yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperoleh oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal dan bahan mentah dalam proses pengeluaran.
Nilai Input Perantaraan	Nilai input perantaraan secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk atau perkhidmatan seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah dan teknologi. Nilai input ini diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.
Nilai Ditambah	Nilai ditambah adalah perbezaan diantara nilai output kasar dengan nilai input perantaraan.
Import	Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan di gudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.
Eksport	Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara.

Perbelanjaan Isi Rumah	Definisi perbelanjaan isi rumah yang diguna pakai adalah mengikut konsep dan garis panduan <i>System of National Accounts, 2008</i> oleh <i>United Nations</i> dan <i>Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013</i> oleh <i>Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)</i>. Perbelanjaan penggunaan IR adalah segala perbelanjaan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan. Perbelanjaan ini termasuk: • Semua perbelanjaan sama ada tunai atau kredit oleh ahli-ahli IR ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian. Jenis perbelanjaan ini termasuk juga cukai-cukai yang dibayar untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan tersebut; • Semua barangan, perkhidmatan dan kemudahan yang diterima dalam bentuk mata benda sama ada secara percuma atau konsesi, diambil kira sebagai perbelanjaan. Contohnya, makanan dan tempat penginapan percuma atau dengan bayaran konsesi. Nilai daripada makanan dan tempat penginapan tersebut dikira sebagai perbelanjaan kepada IR berkenaan; • Barangan penggunaan sendiri. Contohnya sayur-sayuran hasil tanaman sendiri atau barangan yang diambil dari kedai runcit sendiri untuk kegunaan persendirian perlu dibuat imputasi mengikut harga runcit. Nilai harga tersebut dikira sebagai perbelanjaan IR berkenaan; dan • Nilai sewa bersih rumah yang diduduki oleh pemiliknya juga diambil kira sebagai perbelanjaan. Nilai sewa tersebut perlu dibuat imputasi mengikut nilai sewa pasaran semasa untuk jenis rumah yang sama di kawasan yang sama.
Isi Rumah (IR)	Seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dalam satu tempat kediaman serta membuat peruntukan (perbelanjaan) secara bersama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.
Nilai Perbelanjaan Isi Rumah	Nilai perbelanjaan isi rumah boleh dianggarkan berdasarkan data yang diperoleh daripada dapatan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES), dan disesuaikan menggunakan formula berikut : $\text{Nilai perbelanjaan Isi Rumah} = \frac{\text{Purata Perbelanjaan Isi Rumah Bulanan} \times \text{Jumlah Isi Rumah Tahunan} \times 12 \text{ Bulan}}{12}$

Kadar Sara Diri (SSR) SSR menerangkan sejauh mana bekalan komoditi pertanian sesebuah negara dapat memenuhi permintaan domestik. SSR yang mencapai 100 peratus atau lebih menunjukkan pengeluaran adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik.

Kadar Sara Diri

$$= \frac{\text{Pengeluaran}}{(\text{Pengeluaran} + \text{Import}) - \text{Eksport}} \times 100$$

Kadar Pertumbuhan Tahunan Kadar pertumbuhan tahunan yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut :

$$y_t = y_0 (1+r)^t$$

di mana,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana,

y_t = Nilai pada tahun semasa

y_0 = Nilai pada tahun sebelum

t = Bilangan tahun, $y_t - y_0$

r = Kadar pertumbuhan tahunan

Pembundaran Pengiraan bagi sesuatu kategori mungkin tidak sentiasa sama antara jadual disebabkan oleh pembundaran secara bebas. Walau bagaimanapun, perbezaan ini adalah tidak ketara. Peratusan yang ditunjukkan dalam jadual adalah diperoleh daripada angka sebenar dan tidak semestinya memberikan jumlah genap 100 peratus disebabkan pembundaran, walaupun jumlah yang ditunjukkan adalah 100 peratus.

Keluasan Bertanam Keluasan bertanam padi merujuk kepada jumlah kawasan tanah (dalam hektar atau ekar) yang digunakan untuk aktiviti penanaman padi dalam sesuatu musim atau tahun.

Pengeluaran Padi Pengeluaran padi merupakan indikator utama keupayaan negara dalam menyokong kestabilan sistem agromakanan dan memastikan keperluan beras rakyat dipenuhi secara mampan.

Keperluan Domestik	Pengeluaran + Kuantiti Import
Rintang	Halangan atau gangguan yang boleh menjejaskan pertumbuhan dan hasil tanaman padi.
Musim Utama	Tempoh yang mana penanaman padi adalah yang paling sesuai berdasarkan iklim tempatan (musim hujan) dan tidak bergantung sepenuhnya kepada sistem pengairan.
Luar Musim	Tempoh kering yang mana penanaman padi biasanya bergantung kepada sistem pengairan untuk tujuan pentadbiran.

Nota dan Simbol

Simbol	Keterangan
&	dan
%	peratus
RM	Ringgit Malaysia
USD	<i>United States Dollar</i>
T/B	Tidak berkenaan
t.t.t.l	tidak terkelas di tempat lain



SAYUR SAYURAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

**Skop dan
Liputan**

Semua data bagi nilai output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang merangkumi pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan. Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4* yang diterbitkan oleh United Nations. Liputan aktiviti berkaitan sayur-sayuran adalah seperti berikut:

Sektor/Subsektor	Liputan MSIC 2008	
Penanaman	01131	Penanaman sayur-sayuran berdaun atau berbatang
	01132	Penanaman sayur-sayuran berbuah
	01133	Penanaman tembikai
	01134	Penanaman cendawan dan truffles
	01135	Penanaman benih sayuran, kecuali benih bit
	01136	Penanaman sayur-sayuran lain
	01137	Penanaman ubi gula
	01138	Penanaman tumbuhan berakar, ubi-ubian, bebawang atau sayur-sayuran berubi
Pembuatan	01282	Penanaman cili dan lada (lada benggala spp.)
	10301	Pembuatan produk makanan buah-buahan dan sayur-sayuran
	10302	Pembuatan jus buah-buahan dan sayur-sayuran
	10404	Pembuatan jem, marmalade dan sajian jeli
	10793	Pembuatan sos dan bahan perasa
Perdagangan Borong & Runcit	46314	Jualan Borong sayur-sayuran
	47212	Jualan runcit sayur-sayuran dan buah-buahan segar atau diawet

Konsep dan Definisi

Dalam konteks ekonomi dan rantaian nilai, konsep huluhan dan hiliran merujuk kepada tahap-tahap berbeza dalam proses pengeluaran dan pengedaran produk, di mana huluhan melibatkan aktiviti berkaitan sumber asas seperti penanaman dan pengeluaran bahan mentah, manakala hiliran merangkumi pemprosesan, pengilangan, pengedaran, pemasaran dan penggunaannya di peringkat akhir.

Nilai Output Kasar

Nilai output secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industry dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output ini biasanya diukur dalam bentuk wang, yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperoleh oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal, dan bahan mentah dalam proses Pengeluaran.

Nilai Input Perantaraan

Nilai input perantaraan secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk atau perkhidmatan, seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah, dan teknologi. Nilai input ini diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.

Nilai Ditambah

Nilai ditambah merujuk kepada perbezaan antara output dan penggunaan perantaraan. Pengeluaran barangan dan perkhidmatan tidak semestinya untuk dijual atau perolehan oleh pertubuhan. Sementara itu, penggunaan perantaraan adalah nilai barangan dan perkhidmatan yang digunakan (sebagai input) dalam proses pengeluaran barangan dan perkhidmatan tidak termasuk gaji dan upah, susut nilai daripada modal dan faedah bersih yang dibayar. Nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak penggunaan modal tetap. KDNK boleh dinilai pada nilai pembeli dan pada harga faktor.

Segmen Hulan	Merujuk kepada aktiviti awal dalam rantaian pertanian sayur-sayuran seperti penyediaan tanah, penanaman, penggunaan benih berkualiti dan teknik pertanian moden seperti fertigasi. Ia memainkan peranan penting dalam menjamin kestabilan bekalan dan tahap sara diri negara.
Segmen Hiliran	Merujuk kepada aktiviti pemprosesan dan pembuatan produk berasaskan sayur-sayuran untuk memenuhi permintaan pasaran domestik dan antarabangsa. Ini termasuk pembersihan, pembungkusan, pengetinan, dan penghasilan produk bernilai tambah seperti sos dan sayuran beku
Segmen Perdagangan Borong dan Runcit	Merujuk kepada pengedaran hasil sayur-sayuran dari ladang ke pengguna melalui pasar borong, pasar tani, pasaraya dan kedai runcit. Ia berperanan penting dalam memastikan bekalan sayur sampai ke pasaran dengan cekap dan dalam keadaan segar. Kecekapan logistik, infrastruktur penyimpanan, serta kestabilan harga sangat bergantung kepada kelancaran dalam segmen ini. Rantaian bekalan yang cekap juga membantu mengurangkan kerugian pascatuai dan menjamin akses pengguna kepada sayur-sayuran berkualiti.
Segmen Kepenggunaan Domestik	Merujuk kepada pola perbelanjaan dan penggunaan isi rumah terhadap sayur-sayuran di Malaysia. Pada tahun 2022, data menunjukkan peningkatan kesedaran terhadap makanan sihat dan segar mendorong permintaan yang konsisten. Sayur seperti tomato, sawi, salad, dan bayam menjadi pilihan utama pengguna. Namun, cabaran seperti turun naik harga pasaran dan kebergantungan kepada import boleh mempengaruhi akses pengguna terhadap sayuran segar pada harga berpatutan.
Segmen Perdagangan Antarabangsa	Merujuk kepada aktiviti import dan eksport input pertanian dan hasil tanaman segar sayur-sayuran yang melibatkan urus niaga rentas sempadan antara Malaysia dan negara lain. Data import dan eksport dikumpul oleh Jabatan daripada borang pengikraran import dan eksport yang diperolehi daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Lembaga-Lembaga Zon Bebas.

Keluasan Bertanam	luas kawasan fizikal (kebun, ladang, plot pertanian) yang telah diusahakan secara aktif untuk menanam sayur-sayuran, seperti tomato, sawi, kobis, cili, dan lain-lain termasuk kawasan yang ditanam secara terbuka, dalam rumah hijau, atau secara moden seperti fertigasi.
Pengeluaran Sayur-sayuran	jumlah hasil tuaian sebenar (dalam bentuk tan metrik) yang dihasilkan daripada kawasan bertanam sayur-sayuran dalam tempoh tertentu, biasanya setahun.
Aktiviti Penanaman Sayur-sayuran	Merujuk kepada semua proses pertanian yang terlibat dalam menanam pelbagai jenis sayur, bermula dari penyediaan tanah, penanaman benih, penjagaan tanaman (seperti pembajaan, pengairan, kawalan perosak), hingga ke peringkat tuaian hasil.
Aktiviti Pembuatan Sayur-sayuran	Merujuk kepada aktiviti pemprosesan hasil sayur-sayuran segar kepada produk bernilai tambah untuk kegunaan domestik atau pasaran eksport. Aktiviti ini termasuk pembersihan, pemotongan, pengawetan, pembungkusan, dan pemprosesan menjadi produk siap atau separuh siap seperti sos, sayur beku, acar, dan makanan dalam tin.
Import	Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan di gudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain. Pengelasan import ini diistilahkan juga sebagai 'import umum'. Di dalam laporan ini, import dikelaskan mengikut negara asal barang tersebut, iaitu negara di mana barang berkenaan terakhir dibuat sebelum ianya diimportkan ke dalam kawasan pendaftaran.
Eksport	Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara. Di dalam laporan ini, eksport dikelaskan mengikut negara dituju, iaitu negara di mana barang-barang berkenaan dijangka akan digunakan, sejauh mana ia boleh ditentukan pada masa ianya dieksport. Bagi barang yang dihantar berdasarkan "Optional bill of lading", pelabuhan pertama yang diikrarkan dianggap sebagai negara yang dituju.

Perbelanjaan Isi Rumah

Pengelasan item perbelanjaan diklasifikasikan kepada 14 kumpulan utama mengikut *Classification of Individual Consumption According to Purpose* 2018 (COICOP 2018), United Nations:

Perbelanjaan penggunaan isi rumah adalah segala perbelanjaan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan. Perbelanjaan ini termasuk:

(i) Semua perbelanjaan sama ada tunai atau kredit oleh ahli-ahli IR ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian. Ini termasuk juga cukai-cukai yang dibayar untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan tersebut;

(ii) Semua barangan, perkhidmatan dan kemudahan yang diterima dalam bentuk bukan benda sama ada secara percuma atau konsesi, diambil kira sebagai perbelanjaan. Contohnya, makanan dan tempat penginapan percuma atau dengan bayaran konsesi. Nilai daripada makanan dan tempat penginapan tersebut dikira sebagai perbelanjaan kepada IR berkenaan;

(iii) Barangan penggunaan sendiri. Contohnya sayur-sayuran hasil tanaman sendiri atau barangan yang diambil dari kedai runcit sendiri untuk kegunaan persendirian perlu dibuat imputasi mengikut harga runcit. Nilai harga tersebut dikira sebagai perbelanjaan IR berkenaan; dan

(iv) Nilai sewa bersih rumah yang diduduki oleh pemiliknya juga diambil kira sebagai perbelanjaan. Nilai sewa tersebut perlu dibuat imputasi mengikut nilai sewa pasaran semasa untuk jenis rumah yang sama di kawasan yang sama.

Isi Rumah

Seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dalam satu tempat kediaman serta membuat peruntukan (perbelanjaan) secara bersama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.

Harga Pasaran Merujuk kepada harga jualan semasa sayur-sayuran di pelbagai peringkat rantai nilai harga ladang, harga borong, dan harga runcit yang berubah-ubah mengikut bekalan, permintaan, musim, cuaca, kos pengeluaran dan import.

PPC, SSR, IDR (i) PPC merujuk kepada jumlah penggunaan makanan oleh setiap penduduk dalam setahun. PPC diukur dalam kilogram setahun dan gram sehari.

Penggunaan Per Kapita (kg/tahun)

$$= \frac{\text{Makanan (tan metrik)} \times 1,000 \text{ kg}}{\text{Penduduk}}$$

Penggunaan Per Kapita (g/hari)

$$= \frac{\text{Penggunaan Per Kapita (kg/tahun)} \times 1,000 \text{ g}}{365 \text{ hari}}$$

(ii) SSR menerangkan sejauh mana bekalan komoditi pertanian sesebuah negara dapat memenuhi permintaan domestik. SSR yang mencapai 100 peratus atau lebih menunjukkan pengeluaran adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik.

Kadar Sara Diri

$$= \frac{\text{Pengeluaran}}{(\text{Pengeluaran} + \text{Import}) - \text{Eksport}} \times 100$$

(iii) IDR menerangkan kebergantungan sesebuah negara kepada import komoditi pertanian dalam memenuhi keperluan domestik. Semakin tinggi IDR menunjukkan semakin banyak bekalan komoditi pertanian yang diimport.

Kadar Kergantungan Import

$$= \frac{\text{Import}}{(\text{Pengeluaran} + \text{Import}) - \text{Eksport}} \times 100$$

(iv) Nisbah input kepada output menunjukkan kecekapan pengeluaran dengan membandingkan jumlah input yang digunakan dengan output yang dihasilkan. Lebih rendah nisbah ini, lebih cekap proses pengeluaran.

$$= \text{Nilai Input Perantraraan} / \text{Nilai Output Kasar}$$

IHP dan IHP_r Merujuk kepada penunjuk yang mengukur perubahan purata harga barangan dan perkhidmatan di peringkat pengeluar, manakala Indeks Harga Pengguna (IHP_r) pula mengukur perubahan purata harga yang dibayar oleh pengguna bagi barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam kehidupan harian. IHP memberikan gambaran tentang kos pengeluaran yang ditanggung oleh pengeluar, manakala IHP_r mencerminkan kos sara hidup rakyat. Secara ringkasnya, IHP mewakili harga pada peringkat awal rantaian bekalan manakala IHP_r mewakili harga di peringkat akhir iaitu pengguna.

Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (CAGR) Kadar pertumbuhan tahunan yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut :

$$y_t = y_0 (1+r)^t$$

di mana,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana,

y_t = Nilai pada tahun semasa

y_0 = Nilai pada tahun sebelum

t = Bilangan tahun, $y_t - y_0$

r = Kadar pertumbuhan tahunan

Pembundaran Jumlah bagi komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.

Nota dan Simbol

- : tiada data

0.0 : kurang daripada 0.05

.. : tidak diperoleh

t.t.t.l. : tidak terkelas di tempat lain

dll : dan lain-lain


% : peratus

n.a. : tidak berkenaan

& : dan

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

BUAH BUAHAN



Skop dan
Liputan

Semua data bagi nilai output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang merangkumi pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan. Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities* (ISIC), Rev. 4 yang diterbitkan oleh United Nations. Liputan aktiviti berkaitan sayur-sayuran adalah seperti berikut:

Sektor	MSIC	Penerangan
Penanaman	01133	Penanaman tembikai
	01210	Penanaman anggur
	01221	Penanaman pisang
	01222	Penanaman mangga
	01223	Penanaman durian
	01224	Penanaman rambutan
	01225	Penanaman buah belimbing
	01226	Penanaman betik
	01227	Penanaman nanas
	01228	Penanaman buah naga
	01229	Penanaman buah-buahan tropika dan subtropika lain t.t.t.l
	01231	Penanaman limau bali
	01232	Penanaman lemon dan limau
	01233	Penanaman tangerine dan
	01239	Penanaman buah-buahan sitrus lain t.t.t.l
	01241	Penanaman jambu batu
	01249	Penanaman buah-buahan delima dan berbiji lain t.t.t.l
	01251	Penanaman buah beri
Pembuatan	10301	Pembuatan produk makanan buah-buahan dan sayur-sayuran
	10302	Pembuatan jus buah-buahan dan sayur-sayuran
	10303	Pembuatan nanas
	10304	Pembuatan jem, marmalad dan sajian jeli
Perdagangan Borong	46313	Jualan borong buah-buahan
	47212	Jualan runcit sayur-sayuran dan buah-buahan segar atau diawet

Konsep dan Definisi	Dalam konteks ekonomi dan rantaian nilai, konsep hulu dan hilir merujuk kepada tahap-tahap berbeza dalam proses pengeluaran dan pengedaran produk, di mana hulu melibatkan aktiviti berkaitan sumber asas seperti penanaman dan pengeluaran bahan mentah, manakala hilir merangkumi pemprosesan, pengilangan, pengedaran, pemasaran dan penggunaannya di peringkat akhir.
Nilai Output Kasar	Nilai output secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industry dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output ini biasanya diukur dalam bentuk wang, yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperoleh oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal, dan bahan mentah dalam proses Pengeluaran.
Nilai Input Perantara	Nilai input perantara secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk atau perkhidmatan, seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah, dan teknologi. Nilai input ini diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.
Nilai Ditambah	Nilai ditambah merujuk kepada perbezaan antara output dan penggunaan perantara. Pengeluaran barangan dan perkhidmatan tidak semestinya untuk dijual atau perolehan oleh pertubuhan. Sementara itu, penggunaan perantara adalah nilai barangan dan perkhidmatan yang digunakan (sebagai input) dalam proses pengeluaran barangan dan perkhidmatan tidak termasuk gaji dan upah, susut nilai daripada modal dan faedah bersih yang dibayar. Nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak penggunaan modal tetap. KDNK boleh dinilai pada nilai pembeli dan pada harga faktor.
Segmen Huluhan	Segmen Huluhan bagi industri buah-buahan merangkumi aktiviti asas seperti penyediaan kawasan tanaman, penggunaan benih dan anak pokok berkualiti, serta amalan agronomi moden seperti sistem pengairan terkawal, kawalan perosak bersepadu, dan pembajaan berjadual.
Segmen Hiliran	Segmen Hiliran dalam industri buah-buahan merangkumi aktiviti pemprosesan dan pengeluaran produk berasaskan buah-buahan seperti jus, jem, buah-buahan kering, pes serta makanan ringan yang berasaskan buah. Aktiviti ini memberi nilai tambah kepada hasil pertanian melalui transformasi bahan mentah menjadi produk yang mempunyai jangka hayat lebih panjang dan boleh dipasarkan secara lebih meluas, termasuk ke pasaran antarabangsa. Pembangunan segmen ini melibatkan pelaburan dalam teknologi pemprosesan, inovasi produk, pematuhan kepada piawaian keselamatan makanan dan pensijilan halal.
Segmen Perdagangan Borong dan Runcit	Segmen Perdagangan Borong dan Runcit merangkumi pengedaran dan penjualan buah-buahan dalam bentuk segar atau diproses kepada pengguna melalui pelbagai saluran termasuk pasar borong, pasar raya, kedai runcit dan platform e-dagang. Ia memainkan peranan penting dalam memastikan ketersediaan buah-buahan kepada pengguna di seluruh negara, dan turut merangkumi aktiviti logistik seperti penyimpanan sejuk, pengangkutan serta pengurusan inventori yang efisien.
Segmen Kepenggunaan Domestik	Segmen Kepenggunaan Domestik bagi industri buah-buahan merujuk kepada tahap akhir dalam rantai nilai di mana buah-buahan digunakan oleh isi rumah, pengusaha makanan dan minuman (F&B), serta institusi seperti sekolah, hospital, dan hotel. Permintaan dalam segmen ini dipengaruhi oleh harga, citarasa pengguna, promosi gaya hidup sihat, serta tahap ketersediaan buah-buahan tempatan berbanding buah import. Selain itu, faktor seperti kesedaran terhadap nilai pemakanan dan kemudahan mendapatkan buah-buahan berperanan besar dalam mencorakkan corak kepenggunaan.

Segmen Kepenggunaan Domestik	Segmen Kepenggunaan Domestik bagi industri buah-buahan merujuk kepada tahap akhir dalam rantai nilai di mana buah-buahan digunakan oleh isi rumah, pengusaha makanan dan minuman (F&B), serta institusi seperti sekolah, hospital, dan hotel. Permintaan dalam segmen ini dipengaruhi oleh harga, citarasa pengguna, promosi gaya hidup sihat, serta tahap ketersediaan buah-buahan tempatan berbanding buah import. Selain itu, faktor seperti kesedaran terhadap nilai pemakanan dan kemudahan mendapatkan buah-buahan berperanan besar dalam mencorakkan corak kepenggunaan.
Keluasan Bertanam	Jumlah kawasan tanah (dalam hektar) yang telah ditanam secara aktif dengan pokok buah-buahan, sama ada sebagai tanaman utama atau tanaman selingan. Ia merangkumi kawasan yang telah ditanam dengan anak benih buah-buahan, pokok buah-buahan muda (belum berhasil) serta pokok buah-buahan matang yang sedang mengeluarkan hasil."
Pengeluaran Buah-buahan	Jumlah hasil buah-buahan yang dihasilkan daripada kawasan tanaman buah-buahan yang berhasil dalam tempoh tertentu. Ia melibatkan hasil buah-buahan yang telah melalui proses penuaian dan pengendalian sehingga mencapai tahap kualiti piawai. Pengeluaran ini dipengaruhi oleh keluasan tanaman, umur dan kepadatan pokok, amalan pengurusan ladang, jenis buah-buahan serta faktor persekitaran seperti cuaca dan serangan penyakit. Pengeluaran buah-buahan menjadi penunjuk utama prestasi sektor buah-buahan negara dari segi produktiviti dan sumbangan ekonomi
Aktiviti Penanaman Buah- buahan	Aktiviti penanaman buah-buahan merujuk kepada proses awal dalam rantai nilai pertanian yang melibatkan penyediaan tanah, penanaman pokok buah, dan penjagaan tanaman sehingga menghasilkan buah. Ia termasuk pelbagai jenis buah-buahan tempatan seperti durian, mangga, nanas, pisang dan tembikai. Aktiviti ini dijalankan oleh pertubuhan atau pengusaha individu yang terlibat secara langsung dalam sektor pertanian. Perkembangan dalam aktiviti ini dipengaruhi oleh dasar kerajaan, penggunaan teknologi agronomi moden, serta galakan kepada penyertaan swasta dan kluster pertanian yang tersusun.

Aktiviti Pembuatan Buah-buahan	Aktiviti pembuatan dalam industri buah-buahan melibatkan pemprosesan hasil tanaman kepada produk bernilai tambah seperti jus, jem, pes, buah kering, dan produk makanan berasaskan buah-buahan. Ia dijalankan oleh syarikat pengeluar atau kilang pemprosesan yang mematuhi piawaian keselamatan makanan dan amalan pengilangan baik. Aktiviti ini penting dalam memastikan buah-buahan yang dituai dapat dimanfaatkan sepenuhnya, mengurangkan pembaziran, dan meningkatkan nilai pasaran. Selain memenuhi permintaan tempatan, produk ini juga berpotensi untuk dieksport ke pasaran luar negara sebagai sebahagian daripada segmen hiliran industri.
Import	Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan di gudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.
Eksport	Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara.

Perbelanjaan
Isi Rumah

Pengelasan item perbelanjaan diklasifikasikan kepada 14 kumpulan utama mengikut *Classification of Individual Consumption According to Purpose* 2018 (COICOP 2018), United Nations:

Perbelanjaan penggunaan isi rumah adalah segala perbelanjaan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan. Perbelanjaan ini termasuk:

(i) Semua perbelanjaan sama ada tunai atau kredit oleh ahli-ahli IR ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian. Ini termasuk juga cukai-cukai yang dibayar untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan tersebut;

(ii) Semua barangan, perkhidmatan dan kemudahan yang diterima dalam bentuk bukan benda sama ada secara percuma atau konsesi, diambil kira sebagai perbelanjaan. Contohnya, makanan dan tempat penginapan percuma atau dengan bayaran konsesi. Nilai daripada makanan dan tempat penginapan tersebut dikira sebagai perbelanjaan kepada IR berkenaan;

(iii) Barangan penggunaan sendiri. Contohnya sayur-sayuran hasil tanaman sendiri atau barangan yang diambil dari kedai runcit sendiri untuk kegunaan persendirian perlu dibuat imputasi mengikut harga runcit. Nilai harga tersebut dikira sebagai perbelanjaan IR berkenaan; dan

(iv) Nilai sewa bersih rumah yang diduduki oleh pemiliknya juga diambil kira sebagai perbelanjaan. Nilai sewa tersebut perlu dibuat imputasi mengikut nilai sewa pasaran semasa untuk jenis rumah yang sama di kawasan yang sama.

Isi Rumah	Seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dalam satu tempat kediaman serta membuat peruntukan (perbelanjaan) secara bersama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.
Harga	Harga merujuk kepada nilai pasaran sesuatu komoditi atau produk buah-buahan yang ditentukan oleh interaksi permintaan dan penawaran dalam pasaran. Dalam laporan ini, harga buah-buahan dilaporkan berdasarkan tiga peringkat iaitu harga ladang, harga borong dan harga runcit. Harga ladang ialah harga yang diterima oleh petani atau pengeluar utama, harga borong pula ialah harga di peringkat pengedaran besar, manakala harga runcit adalah harga yang dibayar oleh pengguna akhir di pasaran. Ketiga-tiga jenis harga ini membantu menilai margin keuntungan pada setiap peringkat rantai nilai serta memahami kesan harga terhadap kepenggunaan domestik dan kelestarian industri.

PPC, SSR, IDR dan Input kepada Output (i) PPC merujuk kepada jumlah penggunaan makanan oleh setiap penduduk dalam setahun. PPC diukur dalam kilogram setahun dan gram sehari.

Penggunaan Per Kapita (kg/tahun)

$$= \frac{(\text{Makanan (tan metrik)} \times 1,000 \text{ kg})}{\text{Penduduk}}$$

Penggunaan Per Kapita (g/hari)

$$= \frac{(\text{Penggunaan Per Kapita (kg/tahun)} \times 1,000 \text{ g})}{365 \text{ hari}}$$

(ii) SSR menerangkan sejauh mana bekalan komoditi pertanian sesebuah negara dapat memenuhi permintaan domestik. SSR yang mencapai 100 peratus atau lebih menunjukkan pengeluaran adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik.

Kadar Sara Diri

$$= \frac{\text{Pengeluaran}}{(\text{Pengeluaran} + \text{Import}) - \text{Eksport}} \times 100$$

(iii) IDR menerangkan kebergantungan sesebuah negara kepada import komoditi pertanian dalam memenuhi keperluan domestik. Semakin tinggi IDR menunjukkan semakin banyak bekalan komoditi pertanian yang diimport.

Kadar Kergantungan Import

$$= \frac{\text{Import}}{(\text{Pengeluaran} + \text{Import}) - \text{Eksport}} \times 100$$

(iv) Nisbah input kepada output menunjukkan kecekapan pengeluaran dengan membandingkan jumlah input yang digunakan dengan output yang dihasilkan. Lebih rendah nisbah ini, lebih cekap proses pengeluaran.

$$= \text{Nilai Input Perantraraan} / \text{Nilai Output Kasar}$$

IHP dan IHPr Merujuk kepada penunjuk yang mengukur perubahan purata harga barangan dan perkhidmatan di peringkat pengeluar, manakala Indeks Harga Pengguna (IHPr) pula mengukur perubahan purata harga yang dibayar oleh pengguna bagi barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam kehidupan harian. IHP memberikan gambaran tentang kos pengeluaran yang ditanggung oleh pengeluar, manakala IHPr mencerminkan kos sara hidup rakyat. Secara ringkasnya, IHP mewakili harga pada peringkat awal rantai bekalan manakala IHPr mewakili harga di peringkat akhir iaitu pengguna.

Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (CAGR) Kadar pertumbuhan tahunan yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut :

$$y_t = y_0(1+r)^t$$

di mana,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana,

y_t = Nilai pada tahun semasa

y_0 = Nilai pada tahun sebelum


t = Bilangan tahun, $y_t - y_0$

r = Kadar pertumbuhan tahunan

Pembundaran Jumlah bagi komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.

Nota dan Simbol

- : tiada data
- 0.0 : kurang daripada 0.05
- .. : tidak diperoleh
- t.t.t.l. : tidak terkelas di tempat lain
- dll : dan lain-lain
- % : peratus
- n.a. : tidak berkenaan
- & : dan

A photograph of a chicken coop. In the foreground, a brown chicken with a prominent red comb and wattle is looking towards the right. It is standing next to a long, blue metal feeding trough filled with yellow feed. Below the trough, a wooden egg tray holds several brown eggs. In the background, other chickens are visible, some perched on wooden roosts. The scene is lit with warm, natural light, creating a rustic atmosphere.

AYAM TELUR

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

NOTA TEKNIKAL

SKOP DAN LIPUTAN

Semua data bagi nilai output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang merangkumi pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 yang selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision. 4, United Nations*. Liputan aktiviti berkaitan ayam dan telur adalah seperti berikut:

Sektor/Subsektor	Laporan Msic 2008	
Penternakan	01461	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran ayam, ayam daging
	01466	Pengeluaran telur ayam
Pembuatan	10102	Pemprosesan dan pengawetan ayam, itik dan produk ayam itik
	10103	Pengeluaran belulang dan kulit daripada rumah penyembelihan
	10795	Pembuatan produk berasaskan telur
Borong & Runcit	47214	Jualan runcit daging dan produk daging (unggas)
	47213	Jualan runcit, produk tenusu dan telur

PENGELASAN ITEM PERBELANJAAN

Data perbelanjaan bagi segmen Kepenggunaan Domestik adalah hasil dapatan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Bermula tahun 2016, survei ini dijalankan dua kali dalam tempoh lima tahun. Perbelanjaan diklasifikasikan mengikut *Classification of Individual Consumption According to Purpose 2018 (COICOP 2018), United Nations* seperti berikut:

Segmen	Liputan MCOICOP 2021	
Kepenggunaan Domestik	0112	Daging

Konsep dan Definisi	Dalam konteks ekonomi dan rantaian nilai, konsep huluan dan hiliran merujuk kepada tahap-tahap berbeza dalam proses pengeluaran dan pengedaran produk, di mana huluan melibatkan aktiviti berkaitan sumber asas seperti penanaman dan pengeluaran bahan mentah, manakala hiliran merangkumi pemprosesan, pengilangan, pengedaran, pemasaran dan penggunaannya di peringkat akhir.
Nilai Output Kasar	Nilai output kasar secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industri dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output kasar ini biasanya diukur dalam bentuk wang, yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperoleh oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal, dan bahan mentah dalam proses pengeluaran.
Nilai Input Perantaraan	Nilai input perantaraan secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk atau perkhidmatan, seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah dan teknologi. Nilai input perantaraan ini diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.
Nilai Ditambah	Nilai ditambah adalah perbezaan di antara nilai output kasar dan nilai input perantaraan.
Import	Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan di gudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.

Eksport Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara.

Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (CAGR) Kadar pertumbuhan tahunan yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut :

$$y_t = y_0(1+r)^t$$

di mana,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana,

y_t = Nilai pada tahun semasa

y_0 = Nilai pada tahun sebelum

t = Bilangan tahun, $y_t - y_0$

r = Kadar pertumbuhan tahunan

Perbelanjaan Isi Rumah Definisi perbelanjaan isi rumah yang diguna pakai adalah mengikut konsep dan garis panduan System of National Accounts, 2008 oleh United Nations dan Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013 oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). Perbelanjaan IR ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu perbelanjaan penggunaan dan perbelanjaan bukan penggunaan.

i. Perbelanjaan Isi Rumah

Perbelanjaan penggunaan IR adalah segala perbelanjaan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan. Perbelanjaan ini termasuk:

- Semua perbelanjaan sama ada tunai atau kredit oleh ahli-ahli IR ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian. Jenis perbelanjaan ini termasuk juga cukai-cukai yang dibayar untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan tersebut;

- Perbelanjaan Isi Rumah
- Semua barangan, perkhidmatan dan kemudahan yang diterima dalam bentuk mata benda sama ada secara percuma atau konsesi, diambil kira sebagai perbelanjaan. Contohnya, makanan dan tempat penginapan percuma atau dengan bayaran konsesi. Nilai daripada makanan dan tempat penginapan tersebut dikira sebagai perbelanjaan kepada IR berkenaan;
 - Barangan penggunaan sendiri. Contohnya sayur-sayuran hasil tanaman sendiri atau barangan yang diambil dari kedai runcit sendiri untuk kegunaan persendirian perlu dibuat imputasi mengikut harga runcit. Nilai harga tersebut dikira sebagai perbelanjaan IR berkenaan; dan
 - Nilai sewa bersih rumah yang diduduki oleh pemiliknya juga diambil kira sebagai perbelanjaan. Nilai sewa tersebut perlu dibuat imputasi mengikut nilai sewa pasaran semasa untuk jenis rumah yang sama di kawasan yang sama.

Isi Rumah Seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dalam satu tempat kediaman serta membuat peruntukan (perbelanjaan) secara bersama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.

Pembundaran Jumlah bagi angka komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar disebabkan oleh pembundaran angka.

Penternakan Penternak merujuk kepada individu atau syarikat yang menjalankan aktiviti membiak, memelihara dan mengurus ayam bagi tujuan pengeluaran daging atau telur secara komersial. Terdapat dua jenis utama penternak dalam industri ini iaitu penternak ayam pedaging dan penternak ayam penelur. Penternak ayam pedaging menternak ayam untuk mendapatkan daging manakala penternak ayam penelur menternak ayam betina yang bertelur

Pengeluaran Ayam	Pengeluaran merujuk kepada proses menghasilkan daging ayam dan telur secara sistematik dan berskala untuk memenuhi permintaan pasaran. Pengeluaran ini melibatkan pelbagai aktiviti seperti penternakan ayam pedaging bagi mendapatkan daging dan penternakan ayam penelur bagi menghasilkan telur.		
Belulang Ayam	Belulang ayam merujuk kepada tulang atau rangka ayam yang tinggal selepas dagingnya diambil atau dimasak. Istilah ini sering digunakan untuk menggambarkan sisa-sisa yang tinggal daripada ayam yang telah diproses, terutamanya bahagian tulang yang tidak dimakan. Belulang ayam biasanya digunakan untuk membuat sup, kuah, atau produk lain seperti stok ayam.		
Unggas	Kumpulan unggas iaitu haiwan bersayap dan bertelur yang ditenak untuk tujuan pengeluaran daging dan telur secara komersial		
PCC	Penggunaan per kapita (PPC) merujuk kepada jumlah barangan atau perkhidmatan yang digunakan secara purata oleh setiap individu dalam sesebuah negara.		
Nota dan Simbol	&	:	dan
	%	:	peratus
	RM	:	Ringgit Malaysia
	kg	:	kilogram

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



LEMBU KAMBING

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

NOTA TEKNIKAL

Skop dan Liputan

Semua data bagi nilai output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang merangkumi pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4* yang diterbitkan oleh United Nations. Liputan aktiviti berkaitan kopi adalah seperti berikut:

Segmen	Liputan MSIC 2008		
Huluan	01411	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran lembu atau kerbau	
	01441	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran biri-biri dan kambing	
	01412	Pengeluaran susu mentah daripada lembu atau kerbau	
	01442	Pengeluaran susu mentah biri-biri atau kambing	
	46205	Jualan borong ternakan	
Hiliran	10104	Operasi rumah penyembelihan yang terlibat dalam pembunuhan, pembersihan atau pembungkusan daging	
	10101	Pemprosesan dan pengawetan daging dan pengeluaran produk daging	
	46311	Jualan borong daging, unggas dan telur	
	46322	Jualan borong hasil tenusu	
	47213	Jualan runcit produk tenusu dan telur	
	47214	Jualan runcit daging dan produk daging (unggas)	

Pengelasan Item Perbelanjaan Data perbelanjaan bagi segmen Kepenggunaan Domestik adalah hasil dapatan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Bermula tahun 2016, survei ini dijalankan dua kali dalam tempoh lima tahun. Perbelanjaan diklasifikasikan mengikut Classification of Individual Consumption According to Purpose 2018 (COICOP 2018), United Nations seperti berikut:

Segmen	Liputan COICOP 2018
Kepenggunaan Domestik	0112 Haiwan hidup, daging dan bahagian lain bagi haiwan darat yang disembelih

Konsep dan Definisi Dalam konteks ekonomi dan rantaian nilai, konsep huluhan dan hiliran merujuk kepada tahap-tahap berbeza dalam proses pengeluaran dan pengedaran produk di mana huluhan melibatkan aktiviti berkaitan pembiakan dan penternakan, manakala hiliran merangkumi pemprosesan, pengilangan, pengedaran, pemasaran dan penggunaannya di peringkat akhir.

Niali Output Kasar Nilai output secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industri dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output ini biasanya diukur dalam bentuk wang, yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperoleh oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal, dan bahan mentah dalam proses pengeluaran.

Nilai Input Perantaraan Nilai input perantaraan secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk atau perkhidmatan, seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah, dan teknologi. Nilai input ini diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.

Nilai Ditambah	Nilai ditambah adalah perbezaan di antara nilai output kasar dengan nilai input perantaraan.
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak penggunaan modal tetap. KDNK boleh dinilai pada nilai pembeli dan pada harga faktor.
Import	Sesuatu barang dianggap sebagai import apabila ianya dibawa ke masuk dalam negara, sama ada terus ataupun disimpan di gudang yang dikawal tanpa mengira sama ada barang tersebut adalah untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.
Eksport	Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) dianggap sebagai eksport apabila ianya dibawa keluar dari negara.
Purata Harga	Data ini diperoleh daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
Isi Rumah (IR)	Seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dalam satu tempat kediaman serta membuat peruntukan (perbelanjaan) secara bersama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.
Perbelanjaan Isi Rumah	Definisi perbelanjaan isi rumah yang diguna pakai adalah mengikut konsep dan garis panduan System of National Accounts, 2008 oleh United Nations dan Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013 oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). Perbelanjaan penggunaan IR adalah segala perbelanjaan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan. Perbelanjaan ini termasuk: Semua perbelanjaan sama ada tunai atau kredit oleh ahli-ahli IR ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian. Jenis perbelanjaan ini termasuk juga cukai-cukai yang dibayar untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan tersebut;

- Semua barangan, perkhidmatan dan kemudahan yang diterima dalam bentuk mata benda sama ada secara percuma atau konsesi, diambil kira sebagai perbelanjaan. Contohnya, makanan dan tempat penginapan percuma atau dengan bayaran konsesi. Nilai daripada makanan dan tempat penginapan tersebut dikira sebagai perbelanjaan kepada IR berkenaan;
- Barangan penggunaan sendiri. Contohnya sayur-sayuran hasil tanaman sendiri atau barangan yang diambil dari kedai runcit sendiri untuk kegunaan persendirian perlu dibuat imputasi mengikut harga runcit. Nilai harga tersebut dikira sebagai perbelanjaan IR berkenaan; dan
- Nilai sewa bersih rumah yang diduduki oleh pemiliknya juga diambil kira sebagai perbelanjaan. Nilai sewa tersebut perlu dibuat imputasi mengikut nilai sewa pasaran semasa untuk jenis rumah yang sama di kawasan yang sama.

Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (CAGR)

Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut :

$$y_t = y_0(1+r)^t$$

di mana,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

y_t = Nilai pada tahun semasa

y_0 = Nilai pada tahun sebelum

t = Bilangan tahun, $y_t - y_0$

r = Kadar pertumbuhan tahunan

Pembundaran

Jumlah angka bagi angka komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar disebabkan oleh pembundaran angka.

Penggunaan Per Kapita (PCC) PCC merujuk kepada jumlah penggunaan makanan oleh setiap penduduk dalam setahun. PCC diukur dalam kilogram setahun dan gram sehari.

$$\text{Penggunaan Per Kapita (kg/tahun)} = \frac{\text{Makanan (tan metrik)}}{\text{Penduduk}} \times 100\text{kg}$$

$$\text{Penggunaan Per Kapita (g/hari)} = \frac{\text{Makanan (kg/tahun)}}{365 \text{ hari}} \times 100\text{g}$$

Makanan merujuk kepada jumlah makanan yang tersedia untuk kegunaan manusia dalam tempoh rujukan. Secara praktisnya, ia merupakan baki setelah semua komponen penggunaan lain ditentukan.

Makanan = Jumlah pembekalan benih - (Benih + Makanan Ternakan + Kerugian + Prosesan)

Kadar Sara Diri (SSR) SSR menerangkan sejauh mana bekalan komoditi pertanian sesebuah negara dapat memenuhi permintaan domestik. SSR yang mencapai 100 peratus atau lebih menunjukkan pengeluaran adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik.

Kadar Sara Diri

$$= \frac{\text{Pengeluaran}}{(\text{Pengeluaran} + \text{Import}) - \text{Eksport}} \times 100$$

Kadar Kebergantungan Import (IDR) IDR menerangkan kebergantungan sesebuah negara kepada import komoditi pertanian dalam memenuhi keperluan domestik. Semakin tinggi IDR menunjukkan semakin banyak bekalan komoditi pertanian yang diimport.

Kadar Kebergantungan Import

$$= \frac{\text{Import}}{(\text{Pengeluaran} + \text{Import}) - \text{Eksport}} \times 100$$

Ruminan Ruminan adalah haiwan berkaki empat yang mempunyai empat bahagian dan berupaya untuk mengeluarkan kembali makanan yang belum dicerna sepenuhnya daripada perut pertama untuk dikunyah kembali ketika berehat. Ini termasuk lembu, kerbau, kambing dan bebiri.

Unggas Unggas adalah burung yang dipelihara untuk tujuan daging, telur, bulu dan lain-lain. Ini termasuk ayam, itik, puyuh, angsa, merpati, ayam balanda, ayam Mutiara, burung unta, ayam katek/serama dan lain-lain.

Nota dan Simbol

Simbol	Keterangan
&	dan
%	peratus
dll	dan lain-lain
RM	Ringgit Malaysia
W.P	Wilayah Persekutuan

PERIKANAN



Skop dan Liputan

Semua data bagi nilai output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang merangkumi pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan.

i) Penyusunan statistik aktiviti huluan dan hiliran perikanan meliputi tiga sektor utama iaitu Pertanian, Pembuatan dan Perdagangan Borong dan Runcit berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4* yang diterbitkan oleh United Nations. Liputan aktiviti berkaitan Perikanan adalah seperti berikut:

Sektor	Liputan MSIC 2008	
Pertanian	3114	Aktiviti atas vessel yang melibatkan penangkapan, pemprosesan dan pengawetan ikan
	3115	Pengumpulan organisma perikanan dan hasil laut lain (tiram semulajadi, span, batu karang dan alga)
	3119	Perikanan laut t.t.t.l.
	3121	Perikanan komersil di darat
	3122	Pengambilan krustasia dan moluska air tawar
	3123	Pengambilan haiwan akuatik air tawar
	3124	Pengumpulan flora dan fauna air tawar
	3129	Perikanan ikan air tawar t.t.t.l.
	3211	Ternakan ikan di laut
	3212	Pengeluaran dwi-cangkerang spat (tiram, kupang), anak udang kara, anak udang dan benih ikan
	3213	Penanaman rumpai merah dan rumpai laut lain yang boleh dimakan
	3214	Pengkulturan krustasia, dwi-cangkerang, moluska dan haiwan akuatik lain di laut
	3215	Aktiviti akuakultur air payau
	3216	Aktiviti akuakultur di dalam tangki air atau takungan masin
	3217	Operasi penetasan anak benih (laut)

Skop dan Liputan
(samb.)

Sektor	Liputan MSIC 2008	
Pertanian	3218	Operasi ladang ternakan cacing laut untuk makanan ikan
	3219	Akuakultur laut t.t.t.l.
	3221	Ternakan ikan air tawar
	3222	Ternakan udang air tawar
	3224	Operasi penetasan anak benih (air tawar)
	3225	Penternakan katak
	3229	Akuakultur air tawar t.t.t.l.
Pembuatan	10201	Pengetinan ikan, krustasea dan moluska
	10202	Pemprosesan dan pengawetan ikan, krustasea dan moluska
	10203	Pengeluaran makanan berasaskan ikan untuk manusia atau haiwan
	10204	Pengeluaran keropok termasuk keropok lekor
	10205	Pemprosesan rumpai laut
Borong	46312	Jualan borong ikan dan lain-lain makanan laut
Runcit	47215	Jualan runcit ikan dan makanan laut lain dan lain-lain produk yang berkaitan

Konsep dan
Definisi

Dalam konteks ekonomi dan rantai nilai, konsep hulu dan hilir merujuk kepada tahap-tahap berbeza dalam proses pengeluaran dan pengedaran produk, di mana hulu melibatkan aktiviti berkaitan sumber asas seperti penanaman dan pengeluaran bahan mentah, manakala hilir merangkumi pemprosesan, pengilangan, pengedaran, pemasaran dan penggunaannya di peringkat akhir.

(i) Nelayan

Golongan yang terlibat dalam aktiviti penangkapan ikan sama ada nelayan laut atau nelayan darat (tasik, sungai, atau tempat lain yang berkaitan untuk aktiviti menangkap ikan) bagi tujuan komersial atau sara diri.

**Konsep dan
Definisi (samb.)**

(ii) Penternak

Seseorang atau sekumpulan orang yang menternak haiwan, burung atau ikan dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti pengeluaran bagi tujuan komersial atau sara diri. “haiwan” ertinya apa-apa makhluk hidup selain manusia dan termasuklah apa-apa haiwan, burung, haiwan akuatik, reptilia atau serangga tetapi tidak termasuk hidupan liar di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716].

(iii) Akuakultur

Sebarang kegiatan atau aktiviti menghasilkan benih, mengasuh benih dan ternakan untuk pembesaran ikan dan kerang-kerangan. Aktiviti akuakultur merangkumi air tawar dan air payau/ marin.

(iv) Perikanan Darat

Pengeluaran ikan daripada perairan umum seperti sungai, tasik, bekas lombong, empangan dan lain-lain perairan umum air tawar.

(iv) Ikan

Apa-apa hidupan haiwan, atau tumbuhan akuatik, sama ada sedentary atau tidak, dan termasuklah semua spesies ikan bersirip, krustasia, moluska, mamalia akuatik, atau telur atau benihnya, anak, fingerling, lokan atau benih moluska tetapi tidak termasuklah mana-mana spesies memerang, penyu atau telurnya.

(v) Sistem Kolam

Sistem ternakan ikan di dalam kolam. Takungan-takungan air dibina dengan menggali tanah dan sekiranya kawasan terlalu rendah benteng/ban terdiri daripada simen/ konkrit dibina bagi mengelilingi kawasan rendah untuk membentuk takungan.

(vi) Sistem Sangkar

Sistem ternakan untuk menternak ikan di dalam suatu kepungan yang dibuat daripada apa-apa bahan saringan yang diikat pada struktur yang dilabuhkan pada dasar mana-mana tempat perairan di darat atau di laut.

Konsep dan
Definisi (samb.)

(vii) Sistem Bekas Lombong

Sistem ternakan untuk menternak ikan di mana-mana tanah yang pernah (tetapi tidak lagi) diberi atau dikeluarkan pajakan lombong atau sijil lombong di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai perlombongan.

(viii) Perairan Perikanan Malaysia

Perairan kelautan di bawah bidang kuasa Malaysia yang ke atasnya hak-hak menangkap ikan eksklusif atau hak-hak pengurusan perikanan dituntut mengikut undang-undang dan termasuklah perairan dalaman Malaysia, laut wilayah Malaysia dan perairan kelautan yang termasuk dalam Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia.

(ix) Industri Makanan

Merujuk pada rangkaian aktiviti yang terlibat dalam industri pembuatan dan penyediaan makanan meliputi aktiviti pemprosesan, pengawetan, pembungkusan dan pemasaran. Secara umumnya, bahan mentah yang digunakan adalah hasil daripada aktiviti pertanian seperti tanaman, penternakan, perikanan dan akuakultur.

(x) Keluasan

Keluasan ini bermaksud keluasan bagi penternak ikan akuakultur. Contoh keluasan sangkar, kolam dan sebagainya.

xi) Pengeluaran

Pengeluaran ikan bermaksud pendaratan ikan di laut yang ditangkap oleh nelayan atau penternak bagi akuakultur.

Nilai Output Kasar

Nilai output secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industri dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output ini biasanya diukur dalam bentuk wang, yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperoleh oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal, dan bahan mentah dalam proses pengeluaran.

Margin Kasar	Margin kasar ditakrifkan sebagai perbezaan antara nilai jualan barangan & perkhidmatan dan kos barangan yang dijual. Margin Kasar : (Nilai Jualan Barangan & Perkhidmatan) - (Kos Barangan yang Dijual) Peratus Margin Kasar : $\frac{\text{Margin Kasar}}{\text{Nilai Jualan Barangan \& Perkhidmatan}} \times 100$
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak penggunaan modal tetap. KDNK boleh dinilai pada nilai pembeli dan pada harga faktor.
Segmen Huluhan	Merujuk kepada peringkat awal dalam rantaian nilai industri ini yang melibatkan aktiviti seperti
Segmen Hiliran	Merujuk kepada aktiviti
Segmen Perdagangan Borong	Merujuk kepada aktiviti
Segmen Perdagangan Antarabangsa	Merujuk kepada aktiviti Data import dan eksport dikumpul oleh Jabatan daripada borang pengikraran import dan eksport yang diperoleh daripada Jabatan
Segmen Perdagangan Runcit	

Aktiviti Perikanan

Pengeluaran Ikan

Pengeluaran bagi komoditi ternakan merujuk kepada binatang yang telah disembelih dan dibersihkan, manakala pengeluaran untuk komoditi perikanan merujuk kepada tangkapan nominal iaitu berat bersih daripada pendaratan ikan tidak termasuk tangkapan yang rosak, tidak cukup saiz atau yang dimakan oleh nelayan itu sendiri.

Aktiviti

Pembuatan Ikan

Pembuatan ditakrifkan sebagai perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera yang dijalankan oleh kuasa atau yang dijalankan dengan tangan, sama ada dijalankan dalam kilang atau di rumah pekerja, dan sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit.

Nilai jualan yang dilaporkan merujuk kepada nilai jualan produk sendiri sahaja. Ini bermaksud jualan produk yang berlaku dalam tahun laporan, sama ada produk tersebut telah dibuat/dihasilkan oleh pertubuhan pada tahun tersebut atau tahun-tahun sebelumnya. Nilai jualan adalah berdasarkan kepada nilai bersih di kilang dan berkaitan dengan kuantiti yang dijual. Penilaian harga yang dikenakan kepada pelanggan adalah tidak termasuk diskaun atau rebat, bayaran untuk pengangkutan keluar, komisen kepada wakil-wakil penjual, bayaran lain seperti cukai eksais yang dibayar atau cukai jualan yang dipungut oleh kilang bagi pihak kerajaan dan bayaran pemasangan, pembaikan dan pembinaan.

Aktiviti Perdagangan

Borong Ikan

Merujuk kepada penjualan semula (tanpa pengubahsuaian) barangan baharu dan barang yang telah digunakan kepada peruncit, pengguna perindustrian, perdagangan, institusi atau profesional; atau kepada pemborong lain; atau menjual dagangan kepada orang atau syarikat berkenaan. Pemborong selalunya memasang, memilih dan mengklasifikasikan barang dalam lot-lot besar; memecahkan muatan yang besar, membungkus semula dan membotol (kecuali bekas yang kedap udara) dan membahagi semula kepada lot-lot kecil; menyimpan, menyejuk, menghantar dan memasang barang dan juga turut serta dalam promosi jualan untuk pelanggan dan rekabentuk label.

Import Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan di gudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain. Pengkelasan import ini diistilahkan juga sebagai 'import umum'. Di dalam laporan ini, import dikelaskan mengikut negara asal barang tersebut, iaitu negara di mana barang berkenaan terakhir dibuat sebelum ianya diimportkan ke dalam kawasan pendaftaran.

Eksport Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara. Di dalam laporan ini, eksport dikelaskan mengikut negara dituju, iaitu negara di mana barang-barang berkenaan dijangka akan digunakan, sejauh mana ia boleh ditentukan pada masa ianya dieksport. Bagi barang yang dihantar berdasarkan "Optional bill of lading", pelabuhan pertama yang diikrarkan dianggap sebagai negara yang dituju.

Sekiranya maklumat negara yang dituju bagi barang-barang yang dieksport melalui Singapura tidak diketahui/ diperoleh, eksport sedemikian diambilkira sebagai eksport ke Singapura, iaitu di bawah kategori yang sama seperti barang-barang yang digunakan di Singapura. Eksport termasuk eksport semula. Pengkelasan eksport ini diistilahkan juga sebagai 'eksport umum'.

Perbelanjaan Isi Rumah

Pengelasan item perbelanjaan diklasifikasikan kepada 14 kumpulan utama mengikut *Classification of Individual Consumption According to Purpose 2018 (COICOP 2018)*, United Nations:

Perbelanjaan penggunaan isi rumah adalah segala perbelanjaan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan. Perbelanjaan ini termasuk:

- (i) Semua perbelanjaan sama ada tunai atau kredit oleh ahli-ahli IR ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian. Jenis perbelanjaan ini termasuk juga cukai-cukai yang dibayar untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan tersebut; 290
- (ii) Semua barangan, perkhidmatan dan kemudahan yang diterima dalam bentuk mata benda sama ada secara percuma atau konsesi, diambil kira sebagai perbelanjaan. Contohnya, makanan dan tempat penginapan percuma atau dengan bayaran konsesi. Nilai daripada makanan dan tempat penginapan tersebut dikira sebagai perbelanjaan kepada IR berkenaan;
- (iii) Barangan penggunaan sendiri. Contohnya sayur-sayuran hasil tanaman sendiri atau barangan yang diambil dari kedai runcit sendiri untuk kegunaan persendirian perlu dibuat imputasi mengikut harga runcit. Nilai harga tersebut dikira sebagai perbelanjaan IR berkenaan; dan
- (iv) Nilai sewa bersih rumah yang diduduki oleh pemiliknya juga diambil kira sebagai perbelanjaan. Nilai sewa tersebut perlu dibuat imputasi mengikut nilai sewa pasaran semasa untuk jenis rumah yang sama di kawasan yang sama.

Isi Rumah

Seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dalam satu tempat kediaman serta membuat peruntukan (perbelanjaan) secara bersama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.

Harga

(i) Harga pantai

Harga ikan dari nelayan kepada pemborong/peraih

(ii) Harga borong

Harga ikan dari pemborong/peraih kepada peruncit

(iii) Harga runcit

Harga ikan dari peruncit kepada pengguna/*household*

PPC, SSR, IDR

(i) PPC merujuk kepada jumlah penggunaan makanan oleh setiap penduduk dalam setahun. PPC diukur dalam kilogram setahun dan gram sehari.

Penggunaan Per Kapita (kg/tahun)

$$= \frac{\text{Makanan (tan metrik)}}{\text{Penduduk}} \times 1,000 \text{ kg}$$

Penggunaan Per Kapita (g/hari)

$$= \frac{\text{Penggunaan Per Kapita (kg/tahun)}}{365 \text{ hari}} \times 1,000 \text{ g}$$

(ii) SSR menerangkan sejauh mana bekalan komoditi pertanian sesebuah negara dapat memenuhi permintaan domestik. SSR yang mencapai 100 peratus atau lebih menunjukkan pengeluaran adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik.

Kadar Sara Diri

$$= \frac{\text{Pengeluaran}}{(\text{Pengeluaran} + \text{Import}) - \text{Eksport}} \times 100$$

(iii) IDR menerangkan kebergantungan sesebuah negara kepada import komoditi pertanian dalam memenuhi keperluan domestik. Semakin tinggi IDR menunjukkan semakin banyak bekalan komoditi pertanian yang diimport.

Kadar Kergantungan Import

$$= \frac{\text{Import}}{(\text{Pengeluaran} + \text{Import}) - \text{Eksport}} \times 100$$

Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (CAGR) Kadar pertumbuhan tahunan yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut :

$$y_t = y_0 (1+r)^t$$

di mana,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana,

y_t = Nilai pada tahun semasa

y_0 = Nilai pada tahun sebelum

t = Bilangan tahun, $y_t - y_0$

r = Kadar pertumbuhan tahunan

Pembundaran Hasil tambah bagi angka komponen mungkin berbeza dengan sub-jumlah atau jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.

Nota dan Simbol

- & : dan
- % : peratus
- RM : Ringgit Malaysia



KOPI

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

NOTA TEKNIKAL

Skop dan Liputan

Semua data bagi nilai output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang merangkumi pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4* yang diterbitkan oleh United Nations. Liputan aktiviti berkaitan kopi adalah seperti berikut:

Sektor/Subsektor	MSIC	Penerangan
Tanaman	01271	Penanaman kopi
Pembuatan	10791	Pembuatan kopi
Borong & Runcit	46325	Jualan borong kopi, teh dan minuman lain
Borong & Runcit	47222	Jualan runcit teh, kopi, minuman ringan, air mineral dan minuman lain
Makanan dan Minuman	56302	Kedai kopi

Konsep dan Definisi

Dalam konteks ekonomi dan rantai bekalan, konsep hulu merujuk kepada aktiviti-aktiviti awal seperti perolehan bahan mentah dan proses pengeluaran, manakala konsep hilir melibatkan aktiviti pemprosesan lanjut, pengedaran, pemasaran, dan penyaluran produk kepada pengguna akhir.

Nilai Output Kasar

Merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industri dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output ini biasanya diukur dalam bentuk wang, yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperolehi oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal, dan bahan mentah dalam proses pengeluaran.

Nilai Input Perantaraan	Nilai input secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk perkhidmatan, seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah, dan teknologi. Nilai input diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.
Nilai Ditambah	Nilai ditambah adalah perbezaan di antara output dan input. Ini hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.
Margin	Nilai input secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk atau perkhidmatan, seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah, dan teknologi. Nilai input ini diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.
Keluaran Dalam Negeri Kasar	Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak penggunaan modal tetap. KDNK boleh dinilai pada nilai pembelian dan pada harga faktor.
Import	Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan digudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan atau untuk dieksport ke negara lain. Pengelasan import ini istilahkan juga 'import umum'. Didalam laporan ini , import dikelaskan mengikut negrara asal barang tersebut, iaitu negara dimana barang berkenaan terakhir dibuat sebelum iainya diimportkan kedalam kawasan pendaftaran.

Eksport

Sesuatu barang (keluaran atau pembuatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara. Di dalam laporan ini, eksport dikelaskan mengikut negara dituju, iaitu negara dimana barang-barang yang berkenaan dijangka digunakan, sejauh mana ia boleh ditentukan pada masa ia dieksport. Bagi barang yang dihantar berdasarkan “*optional bill of lading*” pelabuhan pertama yang diikrarkan, dianggap sebagai negara yang dituju.

Sekiranya maklumat negara yang dituju bagi barang-barang yang eksport melalui Singapura tidak diketahui/diperoleh, eksport sedemikian diambil kira sebagai eksport ke Singapura, iaitu dibawah kategori yang sama seperti barang-barang yang digunakan di Singapura. Eksport termasuk eksport semula. Pengelasan eksport ini diisitilahkan juga sebagai ‘eksport umum’.

Perbelanjaan Isi Rumah

Definisi perbelanjaan isi rumah yang diguna pakai adalah mengikut konsep dan garis panduan *System of National Accounts, 2008* oleh United Nations dan *Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013* oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).

Perbelanjaan penggunaan IR adalah segala perbelanjaan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan. Perbelanjaan ini termasuk:

- Semua perbelanjaan sama ada tunai atau kredit oleh ahli-ahli IR ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian. Jenis perbelanjaan ini termasuk juga cukai-cukai yang dibayar untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan tersebut;
- Semua barangan, perkhidmatan dan kemudahan yang diterima dalam bentuk mata benda sama ada secara percuma atau konsesi, diambil kira sebagai perbelanjaan. Contohnya, makanan dan tempat penginapan percuma atau dengan bayaran konsesi. Nilai daripada makanan dan tempat penginapan tersebut dikira sebagai perbelanjaan kepada IR berkenaan;

- Perbelanjaan Isi Rumah
- Barangan penggunaan sendiri. Contohnya sayur-sayuran hasil tanaman sendiri atau barangan yang diambil dari kedai runcit sendiri untuk kegunaan persendirian perlu dibuat imputasi mengikut harga runcit. Nilai harga tersebut dikira sebagai perbelanjaan IR berkenaan; dan
 - Nilai sewa bersih rumah yang diduduki oleh pemiliknya juga diambil kira sebagai perbelanjaan. Nilai sewa tersebut perlu dibuat imputasi mengikut nilai sewa pasaran semasa untuk jenis rumah yang sama di kawasan yang sama.

Kadar Pertumbuhan Tahunan

Kadar pertumbuhan tahunan yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut :

$$y_t = y_0(1+r)^t$$

di mana

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana,

y_t = Nilai pada tahun semasa

y_0 = Nilai pada tahun sebelum

t = Bilangan tahun, $y_t - y_0$

r = Kadar pertumbuhan tahunan

Pembundaran

Hasil tambah bagi angka komponen mungkin berbeza dengan sub-jumlah atau jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.

Pekebun Kecil

Individu atau isi rumah yang mengusahakan tanaman kopi pada keluasan kurang daripada 40.46 hektar (100 ekar), dengan majoritinya memiliki kebun berskala kecil iaitu di bawah 4 hektar. Mereka mengendalikan aktiviti penanaman, penjagaan, dan penuaian secara persendirian atau bersama keluarga tanpa penglibatan tenaga kerja bergaji tetap.

Estet	Estet kopi merujuk kepada kawasan tanaman kopi berskala besar yang diusahakan oleh syarikat swasta, badan berkanun, agensi kerajaan atau koperasi dengan keluasan melebihi 40.46 hektar (100 ekar). Estet biasanya mempunyai sistem pengurusan ladang yang terancang, penggunaan teknologi moden serta tenaga kerja bergaji tetap bagi menjalankan operasi penanaman, penyelenggaraan dan penuaian hasil. Tujuan utama estet adalah pengeluaran secara komersial untuk pasaran domestik dan eksport.	
Keluasan Bertanam	Jumlah kawasan tanah (dalam hektar) yang telah ditanam secara aktif dengan pokok kopi, sama ada sebagai tanaman utama atau tanaman selingan. Ia merangkumi kawasan yang telah ditanam dengan anak benih kopi, pokok kopi muda (belum berhasil) serta pokok kopi matang yang sedang mengeluarkan hasil.	
Pengeluaran	Jumlah biji kopi kering yang dihasilkan daripada kawasan tanaman kopi yang berhasil dalam tempoh tertentu. Ia melibatkan biji kopi yang telah melalui proses pemecahan dan pengeringan hingga mencapai tahap lembapan piawai. Pengeluaran ini dipengaruhi oleh keluasan tanaman, umur dan kepadatan pokok, amalan pengurusan ladang, varieti kopi serta faktor persekitaran seperti cuaca dan serangan penyakit. Pengeluaran kopi menjadi penunjuk utama prestasi sektor kopi negara dari segi produktiviti dan sumbangan ekonomi.	
Simbol dan Singkatan	-	: tiada maklumat
	0	: nilai bundaran kurang daripada skala yang ditetapkan
	n.a	: tidak berkenaan
	&	: dan
	%	: peratus
	dll.	: dan lain-lain
	CAGR :	kadar pertumbuhan tahunan dikompaun
	RM	: Ringgit Malaysia
	W.P	: Wilayah Persekutuan
	e	: anggaran
	p	: permulaan

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



KELAPA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

NOTA TEKNIKAL

Skop dan Liputan

Semua data bagi nilai output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang merangkumi pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0, selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4* yang diterbitkan oleh United Nations. Liputan aktiviti berkaitan kopi adalah seperti berikut:

Sektor/Subsektor	MSIC	Penerangan
Tanaman	01271	Penanaman kopi
Pembuatan	10791	Pembuatan kopi
Borong & Runcit	46325	Jualan borong kopi, teh dan minuman lain
Borong & Runcit	47222	Jualan runcit teh, kopi, minuman ringan, air mineral dan minuman lain
Makanan dan Minuman	56302	Kedai kopi

Konsep dan Definisi

Dalam konteks ekonomi dan rantaian bekalan, konsep hulu merujuk kepada aktiviti-aktiviti awal seperti perolehan bahan mentah dan proses pengeluaran, manakala konsep hilir melibatkan aktiviti pemprosesan lanjut, pengedaran, pemasaran, dan penyaluran produk kepada pengguna akhir.

Nilai Output Kasar

Merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industri dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output ini biasanya diukur dalam bentuk wang, yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperolehi oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal, dan bahan mentah dalam proses pengeluaran.

Nilai Input Perantaraan	Nilai input secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk perkhidmatan, seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah, dan teknologi. Nilai input diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.
Nilai Ditambah	Nilai ditambah adalah perbezaan di antara output dan input. Ini hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.
Margin	Nilai input secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk atau perkhidmatan, seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah, dan teknologi. Nilai input ini diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.
Keluaran Dalam Negeri Kasar	Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak penggunaan modal tetap. KDNK boleh dinilai pada nilai pembelian dan pada harga faktor.
Import	Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan digudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan atau untuk dieksport ke negara lain. Pengelasan import ini istilahkan juga 'import umum'. Didalam laporan ini , import dikelaskan mengikut negara asal barang tersebut, iaitu negara dimana barang berkenaan terakhir dibuat sebelum iainya diimportkan kedalam kawasan pendaftaran.

Eksport

Sesuatu barang (keluaran atau pembuatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara. Di dalam laporan ini, eksport dikelaskan mengikut negara dituju, iaitu negara dimana barang-barang yang berkenaan dijangka digunakan, sejauh mana ia boleh ditentukan pada masa ia dieksport. Bagi barang yang dihantar berdasarkan “*optional bill of lading*” pelabuhan pertama yang diikrarkan, dianggap sebagai negara yang dituju.

Sekiranya maklumat negara yang dituju bagi barang-barang yang eksport melalui Singapura tidak diketahui/diperoleh, eksport sedemikian diambil kira sebagai eksport ke Singapura, iaitu dibawah kategori yang sama seperti barang-barang yang digunakan di Singapura. Eksport termasuk eksport semula. Pengelasan eksport ini diisitilahkan juga sebagai ‘eksport umum’.

Perbelanjaan Isi Rumah

Definisi perbelanjaan isi rumah yang diguna pakai adalah mengikut konsep dan garis panduan *System of National Accounts, 2008* oleh United Nations dan *Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013* oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).

Perbelanjaan penggunaan IR adalah segala perbelanjaan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan. Perbelanjaan ini termasuk:

- Semua perbelanjaan sama ada tunai atau kredit oleh ahli-ahli IR ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian. Jenis perbelanjaan ini termasuk juga cukai-cukai yang dibayar untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan tersebut;
- Semua barangan, perkhidmatan dan kemudahan yang diterima dalam bentuk mata benda sama ada secara percuma atau konsesi, diambil kira sebagai perbelanjaan. Contohnya, makanan dan tempat penginapan percuma atau dengan bayaran konsesi. Nilai daripada makanan dan tempat penginapan tersebut dikira sebagai perbelanjaan kepada IR berkenaan;

- Perbelanjaan Isi Rumah
- Barangan penggunaan sendiri. Contohnya sayur-sayuran hasil tanaman sendiri atau barangan yang diambil dari kedai runcit sendiri untuk kegunaan persendirian perlu dibuat imputasi mengikut harga runcit. Nilai harga tersebut dikira sebagai perbelanjaan IR berkenaan; dan
 - Nilai sewa bersih rumah yang diduduki oleh pemiliknya juga diambil kira sebagai perbelanjaan. Nilai sewa tersebut perlu dibuat imputasi mengikut nilai sewa pasaran semasa untuk jenis rumah yang sama di kawasan yang sama.

Kadar Pertumbuhan Tahunan

Kadar pertumbuhan tahunan yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut :

$$y_t = y_0(1+r)^t$$

di mana

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana,

y_t = Nilai pada tahun semasa

y_0 = Nilai pada tahun sebelum

t = Bilangan tahun, $y_t - y_0$

r = Kadar pertumbuhan tahunan

Pembundaran

Hasil tambah bagi angka komponen mungkin berbeza dengan sub-jumlah atau jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.

Pekebun Kecil

Individu atau isi rumah yang mengusahakan tanaman kopi pada keluasan kurang daripada 40.46 hektar (100 ekar), dengan majoritinya memiliki kebun berskala kecil iaitu di bawah 4 hektar. Mereka mengendalikan aktiviti penanaman, penjagaan, dan penuaian secara persendirian atau bersama keluarga tanpa penglibatan tenaga kerja bergaji tetap.

Estet	Estet kopi merujuk kepada kawasan tanaman kopi berskala besar yang diusahakan oleh syarikat swasta, badan berkanun, agensi kerajaan atau koperasi dengan keluasan melebihi 40.46 hektar (100 ekar). Estet biasanya mempunyai sistem pengurusan ladang yang terancang, penggunaan teknologi moden serta tenaga kerja bergaji tetap bagi menjalankan operasi penanaman, penyelenggaraan dan penuaian hasil. Tujuan utama estet adalah pengeluaran secara komersial untuk pasaran domestik dan eksport.	
Keluasan Bertanam	Jumlah kawasan tanah (dalam hektar) yang telah ditanam secara aktif dengan pokok kopi, sama ada sebagai tanaman utama atau tanaman selingan. Ia merangkumi kawasan yang telah ditanam dengan anak benih kopi, pokok kopi muda (belum berhasil) serta pokok kopi matang yang sedang mengeluarkan hasil.	
Pengeluaran	Jumlah biji kopi kering yang dihasilkan daripada kawasan tanaman kopi yang berhasil dalam tempoh tertentu. Ia melibatkan biji kopi yang telah melalui proses pemecahan dan pengeringan hingga mencapai tahap lembapan piawai. Pengeluaran ini dipengaruhi oleh keluasan tanaman, umur dan kepadatan pokok, amalan pengurusan ladang, varieti kopi serta faktor persekitaran seperti cuaca dan serangan penyakit. Pengeluaran kopi menjadi penunjuk utama prestasi sektor kopi negara dari segi produktiviti dan sumbangan ekonomi.	
Simbol dan Singkatan	-	: tiada maklumat
	0	: nilai bundaran kurang daripada skala yang ditetapkan
	n.a	: tidak berkenaan
	&	: dan
	%	: peratus
	dll.	: dan lain-lain
	CAGR :	kadar pertumbuhan tahunan dikompaun
	RM	: Ringgit Malaysia
	W.P	: Wilayah Persekutuan
	e	: anggaran
	p	: permulaan

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



UBI KAYU

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

NOTA TEKNIKAL

Skop dan Liputan

Semua data bagi nilai output kasar, nilai input perantaraan dan nilai ditambah adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang merangkumi pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0, selaras dengan International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Rev. 4 yang diterbitkan oleh United Nations. Liputan aktiviti berkaitan ubi kayu adalah seperti berikut:

Segmen	Liputan MSIC 2008	
Huluhan	01138	Penanaman tumbuhan berakar, ubi-ubian, bebawang atau sayur-sayuran berubi
Hiliran	10623	Pembuatan tepung/produk sagu dan ubi kayu

Konsep dan Definisi

Dalam konteks ekonomi dan rantaian nilai, konsep huluhan dan hiliran merujuk kepada tahap-tahap berbeza dalam proses pengeluaran dan pengedaran produk, di mana huluhan melibatkan aktiviti berkaitan sumber asas seperti penanaman dan pengeluaran bahan mentah, manakala hiliran merangkumi pemprosesan, pengilangan, pengedaran, pemasaran dan penggunaannya di peringkat akhir.

Nilai Output Kasar

Nilai output secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh suatu industri dalam satu tempoh masa tertentu. Nilai output ini biasanya diukur dalam bentuk wang yang menunjukkan sumbangan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan kepada ekonomi atau keuntungan yang diperoleh oleh syarikat atau sektor tersebut. Ia mencerminkan hasil yang dihasilkan daripada penggunaan sumber-sumber seperti buruh, modal dan bahan mentah dalam proses pengeluaran.

Nilai Input Perantaraan

Nilai input perantaraan secara umum merujuk kepada jumlah nilai keseluruhan sumber atau faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran produk atau perkhidmatan seperti tenaga kerja, modal, bahan mentah dan teknologi. Nilai input ini diukur dalam bentuk wang atau unit lain yang mencerminkan kos yang dikeluarkan untuk mendapatkan dan menggunakan sumber-sumber tersebut dalam menghasilkan output.

Nilai Ditambah	Nilai ditambah adalah perbezaan diantara nilai output kasar dengan nilai input perantara.
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak harga barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi belum ditolak penggunaan modal tetap. KDNK boleh dinilai pada nilai pembeli dan pada harga faktor.
Import	Sesuatu barang yang dibawa masuk ke dalam negara, sama ada secara terus atau disimpan di gudang-gudang yang dikawal. Barang-barang tersebut adalah sama ada untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.
Eksport	Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) yang dibawa keluar dari negara.
Harga Purata	Data ini diperoleh daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).
Kadar Sara Diri (SSR)	SSR menerangkan sejauh mana bekalan komoditi pertanian sesebuah negara dapat memenuhi permintaan domestik. SSR yang mencapai 100 peratus atau lebih menunjukkan pengeluaran adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik.

Kadar Sara Diri

$$= \frac{\text{Pengeluaran}}{(\text{Pengeluaran} + \text{Import}) - \text{Eksport}} \times 100$$

Kadar Kebergantungan Import (IDR)	IDR menerangkan kebergantungan sesebuah negara kepada import komoditi pertanian dalam memenuhi keperluan domestik. Semakin tinggi IDR menunjukkan semakin banyak bekalan komoditi pertanian yang diimport.
-----------------------------------	--

Kadar Kebergantungan Import

$$= \frac{\text{Import}}{(\text{Pengeluaran} + \text{Import}) - \text{Eksport}} \times 100$$

Kadar
Pertumbuhan
Tahunan (CAGR)

Kadar pertumbuhan tahunan yang digunakan adalah merujuk kepada perbezaan bagi dua tempoh rujukan dan boleh juga dikira berdasarkan formula berikut :

$$y_t = y_0(1+r)^t$$

di mana,

$$r = \left[e^{\frac{1}{t} \ln\left(\frac{y_t}{y_0}\right)} - 1 \right] \times 100$$

di mana,

y_t = Nilai pada tahun semasa

y_0 = Nilai pada tahun sebelum

t = Bilangan tahun, $y_t - y_0$

r = Kadar pertumbuhan tahunan

Pembundaran

Jumlah bagi komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar dalam jadual penerbitan disebabkan oleh pembundaran angka.

**Keluasan
Bertanam**

Keluasan ditanam merujuk kepada keluasan bertanam dengan ubi kayu (matang dan/atau belum matang) dan tidak terbiar selama-lamanya.

Pengeluaran Ubi
Kayu

Pengeluaran ubi kayu merujuk kepada jumlah ubi segar (tan metrik) yang dituai oleh ladang komersial dan pekebun kecil.

Nota dan Simbol

Simbol	Keterangan
&	dan
%	peratus
RM	Ringgit Malaysia
W.P	Wilayah Persekutuan
ppm	<i>parts per million</i>
kg	kilogram
n.a	tiada data

SEKALUNG PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

YBHG. DATO' SRI DR. UZIR MAHIDIN

KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

YBRS. SITI ASIAH BT AHMAD

TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN (PROGRAM EKONOMI)

EDITOR

**WARGA BAHAGIAN PERANGKAAN
PERKHIDMATAN**

**WARGA DOSM YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG
DAN TIDAK LANGSUNG**

atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam
menjayakan 19 penerbitan Menelusuri Rantaian Pertanian
Malaysia dari Hulan ke Hiliran

